

"NEGARA yang aman adalah negara yang selesa : selesa untuk berkembang dan membangun. Ditambah lagi kalau ia makmur, akan menjadikannya lebih mudah pula untuk melakar kemajuan." - Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-64 Tahun, pada hari Khamis, 3 Syaaban 1431 Hijrah / 15 Julai 2010 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"PERBANDINGAN orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya. Dan Allah Maha Luas Rahmat dan Limpah Kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 261).

Berangkat ke Majlis Santapan Pertabalan Sultan Perak

Laporan : Ak. Jefferi

Pg. Durahman

Foto : Pg. Amirulnizam

Pg. Haji Mohd. Ali

dari Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN, Sabtu, 9 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Pertabalan Sultan Perak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Sultan Perak Ke-35, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Juga berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah paduka-paduka anakanda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Istana Iskandariah dijunjung oleh Orang-Orang Besar Perak, Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Tun Haji Syed Zahiruddin bin Syed Hassan dan Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fatir @ Wan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Pertabalan Sultan Perak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Sultan Perak Ke-35 dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak (Lihat muka 12 & 13).

Fadzir bin Wan Hussain.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dialu-alukan oleh Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak dan seterusnya berkenan

menandatangani Buku Lembaran Kenangan.

Di Bilik Kuning, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri

dialu-alukan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak dan DYMM Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak.

Ke muka 12 & 13

AHA gabungkan ahli profesional kesihatan



Muka 23

BRUNEI DPMM FC
menang 2 - 0



Muka 4

WAGGS nilai kemasukan
keahlian PPPBD

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mei. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menjelaskan, Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association - AHA) di Negara Brunei Darussalam adalah satu

sejarah pencapaian yang menjadi satu ristaan mercu kejayaan dalam kalangan semua *multi-discipline* Allied Health Professionals (AHP) di negara ini.

Penubuhan persatuan ini, jelas Yang Berhormat, telah berjaya mengumpulkan berbagai-bagai Allied Health Profession secara kolektif dan permuafakatan di bawah persatuan profesional kesihatan.

"Ini jelas membuktikan bahawa kepelbagaian disiplin dapat bersatu dengan adanya kesepaduan,

keazaman, kesefahaman dan komitmen di kalangan AHP yang ingin bersama-sama menyumbang kepada meningkatkan profesionalisme, memajukan profesi, mengamalkan kepentingan piawaian, untuk mencapai kecemerlangan serta memperkasakan lagi perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit dan orang ramai," tegas Yang Berhormat semasa berucap melancarkan AHA dan Forum Allied Health, berlangsung di Dewan AI-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Ke muka 24

PACS untuk warga emas menghidap penyakit kompleks

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat hadir pada majlis yang berkebakikan, iaitu Pembukaan Rasmi Pusat Amal Cerah Sejahtera. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pusat Amal Cerah Sejahtera atau ringkasnya PACS adalah merupakan satu lagi usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan dalam memperluaskan dan meningkatkan lagi tahap keberkesanan penjagaan dan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan penduduk di negara ini khususnya warga emas yang menghidap kondisi penyakit yang kompleks dan memerlukan rawatan serta perkhidmatan perubatan yang komprehensif dan berintegrasi mengikut kriteria yang ditentukan.

Mengikut hasil kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation), jumlah penduduk warga emas dan kes penyakit-penyakit tidak berjangkit secara global adalah semakin meningkat dan mengakibatkan bebanan dan cabaran kepada sistem kesihatan sesebuah negara. Ini sudah setentunya memerlukan tatacara rawatan dan penjagaan kesihatan yang lebih holistik dalam menangani dan mengawal senario penyakit-penyakit yang kompleks tersebut.

Menyedari akan cabaran-cabaran dan keperluan penjagaan kesihatan kepada warga emas, apatah lagi dengan jumlahnya yang meningkat dari semasa ke semasa, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan terus berusaha untuk meningkatkan dan memperkembangluaskan perkhidmatan penjagaan kesihatan golongan ini dengan memperkenalkan perkhidmatan geriatrik (golongan warga emas), pendekatan pelbagai disiplin kepakaran, rawatan dan pemulihan. Pada masa ini, Alhamdulillah kita telah mempunyai dua orang konsultan tempatan dalam bidang Geriatrik dan insyaaAllah seorang konsultan akan menamatkan bidang kepakaran tersebut pada tahun 2016. Ini termasuklah juga meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai profesion kesihatan seperti jururawat, pegawai kebajikan perubatan, pegawai jurupuluh anggota (*physiotherapist*), pegawai pemakanan serta pegawai-pegawai sokongan (*supporting staff*) yang khusus dalam bidang Geriatrik.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Amal Cerah Sejahtera (PACS) pada hari Isnin, 15 Rejab 1436 Hijrah bersamaan 4 Mei 2015 Masihi di PACS, Kementerian Kesihatan, Kampung Belimbing, Subok.

Alhamdulillah, adalah sangat bertepatan dengan wujudnya Pusat Amal Cerah Sejahtera yang dikenali ringkas PACS di mana ia adalah salah satu projek Kementerian Kesihatan yang melibatkan perkhidmatan pelbagai peringkat kepakaran perubatan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan pegawai-pegawai kesihatan bersekutu, bekerjasama menumpukan sepenuh perhatian mengenai dengan rawatan dan penjagaan khas untuk pesakit-pesakit yang berkonsepkan Patient Centered Care. Model perkhidmatan perubatan ini adalah sangat penting sebab pesakit-pesakit yang menghidapi penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan kompleks bukan hanya memerlukan rawatan penyakit sahaja, malahan ia memerlukan perkhidmatan perubatan yang komprehensif melalui pendekatan integrasi dan holistik. Ini termasuklah memerlukan kerjasama, sokongan yang padu dan penglibatan ahli-ahli keluarga pesakit dan juga pihak swasta serta masyarakat pada umumnya untuk mencapai penjagaan kesihatan ke arah yang optima kepada pesakit.

Sehubungan dengan ini, saya sangat-sangat menghargai dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas inisiatif yang sangat signifikan dalam memperkenalkan pembaharuan perkhidmatan yang disediakan di pusat ini di mana ia adalah atas berkat usaha kerjasama rapat secara *partnership* melalui strategi menyeluruh yang merangkumi

pelbagai disiplin bersepadu antara Pakar Perubatan Geriatrik, Paliatif, Neurologi, Rehabilitasi dan Penjagaan Kesihatan Asasi dengan Perkhidmatan Kejururawatan dan Pegawai-Pegawai Kesihatan Bersekutu seperti Fisioterapi dan Pemulihan Cara Kerja. Saya penuh percaya dan berkeyakinan, pendekatan pelbagai kepakaran seperti ini akan menghasilkan tahap rawatan dan penjagaan kesihatan yang lebih berkesan kepada pesakit-pesakit yang berkondisi kompleks. Program ini juga akan dapat membantu di kalangan warga emas dalam peningkatan usia untuk menjalani kehidupan seharian secara aktif dengan mengikuti program yang diaturkan di pusat ini yang insyaaAllah akan turut menjamin peningkatan kualiti kehidupan sepanjang hayat.

Bagi pesakit yang terlantar di rumah dan tidak berupaya untuk hadir menerima rawatan perubatan sama ada di hospital atau di pusat-pusat kesihatan atau di klinik, perkhidmatan perawatan pesakit di rumah (Home-Based Nursing) yang pada masa ini berpindah dan ditempatkan di bawah pengawasan PACS disarankan untuk meneliti dalam membuat transformasi bagi memperluaskan dan memperkukuhkan melalui peranan jururawat merawat pesakit di rumah dalam pengawasan doktor bila mana perlu dan bersesuaian. Bagi pesakit yang menghidapi penyakit 'Parkinson' ataupun *demensia*, PACS adalah tempat yang sesuai untuk mengadakan aktiviti-aktiviti ataupun program-program rehabilitasi untuk menggalakkan minda dan kesihatan yang aktif dan mengoptimalkan peluang-peluang penyertaan supaya menjamin peningkatan kualiti kehidupan. Saya difahamkan bahawa pusat ini telah pun menjalankan program rehabilitasi khas untuk pesakit *demensia* dengan aktiviti-aktiviti setiap minggu yang mendapat sambutan yang menggalakkan.

Apa yang mustahak adalah sokongan dan kerjasama dari ahli keluarga dalam bersama-sama menjalankan program ini supaya dilaksanakan dengan berkesan. Penjagaan pesakit-pesakit yang kompleks boleh ditakrifkan sebagai *keupayaan untuk hidup dan berfungsi secara berkesan dalam masyarakat secara berdikari pada tahap maksima yang mampu dilaksanakan, tetapi tidak semestinya bebas dari sebarang penyakit*. Saya percaya pihak PACS berupaya menggalakkan kesihatan yang baik bagi pesakit-pesakit tersebut dan menjadi tindakan yang strategik dalam menangani penumpuan semata-mata menggunakan rawatan perubatan di hospital dan sekali gus mengurangkan tempoh menjalani rawatan sebagai *in-patient* di hospital di mana pesakit-pesakit boleh meneruskan rawatan dan rehabilitasi di rumah ataupun di pusat ini.

Ke muka 5

Dari Sidang
Pengarang.

11 MEI 2015 BERSAMAAN 1436 رجب 22

HOSPITAL RIPAS NIKMATI PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN

SEJAK 30 tahun penubuhannya, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) telah menjalani dan meraih pelbagai perkembangan dan kemajuan menerusi aspek infrastruktur dengan perancangan rapi dari pelbagai pembaharuan.

Salah satu peningkatan taraf yang terbukti ialah dengan pembinaan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital RIPAS yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam baru-baru ini.

Lebih daripada itu, kita perlu berbangga apabila Hospital RIPAS telah berjaya menikmati perkembangan dari aspek perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran yang semakin bertambah misalnya ada pusat diabetes, pusat entomology dan juga berbagai-bagai lagi perkhidmatan dan pembaharuan yang telah pun disediakan.

Hospital RIPAS turut menempa sejarah yang memberangsangkan apabila berjaya melaksanakan pemindahan buah pinggang dan pembedahan lutut (orthopedic), di samping memperkenalkan perkhidmatan bagi yang kurang pendengaran dengan menyediakan peralatan 'implant' bagi membantu mereka memudahkan mendengar.

Dengan mempunyai dan dilengkapi pelbagai peralatan dan perkakas moden yang terkini serta canggih seperti peralatan pengimbas MRI scan merupakan usaha Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan yang benar-benar berkesan, di samping untuk mempertingkatkan lagi kualiti efisiensi perkhidmatan kepada pesakit yang memerlukan perkhidmatan berkenaan.

Kita juga perlu bangga semakin banyak anak-anak tempatan telah berjaya mempunyai kelulusan kepakaran dan kemahiran dalam kalangan doktor tempatan misalnya kepakaran dalam orthopedic, pediatrician, oncology, gynaecology dan berbagai-bagai lagi sekali gus membuktikan dari aspek sumber tenaga manusia telah berjaya dikembangkan secara berterusan.

Sumbangan besar Kementerian Kesihatan itu perlu dinilai dan mendapat penghargaan dari segenap rakyat dan penduduk di negara ini yang telah menyediakan perkhidmatan kesihatan termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang lain.

Ketika ini, perkhidmatan 'shuttle bus' telah disediakan bagi memudahkan orang ramai pergi dan balik ke Hospital RIPAS merupakan satu lagi inisiatif sebagai langkah memberikan kemudahan kepada orang ramai secara percuma sekalipun tempat letak kereta berbayar juga telah disediakan di kawasan Hospital RIPAS.

Orang ramai juga perlu memainkan peranannya masing-masing dengan memberi kerjasama untuk menjaga kebersihan dan keselamatan di Hospital RIPAS. - **Ketua Penyuntingan (Sj).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooraini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani,
Muhammad Hidayatullah Zahari

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nurhamizah Hassim,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Ramanas Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN	32 °C 24 °C	32 °C 25 °C
MUARA	31 °C 26 °C	31 °C 26 °C
PEKAN BANGAR	32 °C 24 °C	31 °C 24 °C
PEKAN TUTONG	32 °C 24 °C	31 °C 25 °C
PEKAN SERIA	32 °C 25 °C	30 °C 26 °C
KUALA BELAIT	32 °C 25 °C	30 °C 25 °C
WALLAHUACAM BISSAWAB	32 °C 25 °C	30 °C 25 °C

Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
Telefon: 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat balik meninggalkan Pulau Pinang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah ketika doa selamat dibacakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

PULAU PINANG, MALAYSIA, Ahad, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat meninggalkan Malaysia selepas menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Sultan Perak Ke-35.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah paduka-paduka anakanda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Sebelum berangkat meninggalkan Hotel Eastern and Oriental, Pulau Pinang, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta paduka-paduka anakanda, YTM

Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Orang Kaya Besar Perak, Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Seri Agar Diraja Tan Sri Dato' Seri Diraja Haji Ramli bin Ngah Talib dan isteri serta Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Perak.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi menyampaikan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Orang Kaya Besar Perak, Yang Berbahagia Orang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat meninggalkan Pulau Pinang, Malaysia selepas menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Sultan Perak Ke-35.

Kaya-Kaya Seri Agar Diraja Tan Sri Dato' Seri Diraja Haji Ramli dan isteri; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Farizan bin Darus; EXCO Pendidikan dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Dr. Muhammad Amin bin Zakari; Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Omar bin Osman; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Pembangunan, Yang Berbahagia Dato' Abu Jamal bin Nordin; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Pengurusan, Encik Ghazali bin Derahman; Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Haji Mamat bin Said dan Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhamad bin Jantan, serta pegawai-pegawai kanan.

Doa Selamat kemudian dibacakan oleh Pegawai Tadbir Agama, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, Al-Fadhil Ustaz Mohd.

Lukmanulhakim bin Haji Mokhtar.

Turut hadir bagi menyampaikan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha dan datin serta para Pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan datin serta Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali
dari Pulau Pinang, Malaysia

PULAU PINANG, MALAYSIA, Sabtu, 9 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selamat berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Sultan Perak Ke-35 yang akan berlangsung di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

Berangkat mengiringi Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah paduka-paduka anakanda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dijunjung oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Lim Guan Eng; Orang Kaya Besar Perak, Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Seri Agar Diraja Tan Sri Dato' Seri Diraja Haji Ramli bin Ngah Talib dan isteri; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Farizan bin Darus; EXCO Pendidikan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Yang Berhormat Dato' Dr. Muhammad Amin bin Zakaria dan Mufti Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Sohibus Samahah Dato' Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor dan pegawai-pegawai kanan.

Doa selamat kemudian dibacakan oleh Imam Besar Masjid Negeri Perak, Al-Fadhil Ustaz Haji Abd. Farid bin Salleh.

Turut hadir menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dijunjung oleh orang-orang kenamaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha dan Datin, serta para pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan menaiki kenderaan khas menuju ke Hotel Eastern and Oriental, Pulau Pinang, tempat persemayaman Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di sepanjang keberangkatan.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di tempat persemayaman dijunjung oleh Pengarah Group Hospitality and

Lifestyle, Eastern and Oriental Berhad, Mr. Michael Saxon dan Pengurus Am Hotel Eastern and Oriental, Mr. Harold Rainfroy serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Perak.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Datin serta Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Lim Guan Eng. Berangkat mengiringi Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah paduka-paduka anakanda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

WAGGGS nilai kemasukan keahlian PPPBD



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama para Pemimpin dan Ahli-Ahli PPPBD pada Majlis Penyampaian Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra Waran Senegara Tahun 2015.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, Yang Di-Pertua Persatuan PPPBD dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah berkenan berangkat pada Majlis Penyampaian Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra Waran Senegara Tahun 2015.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra Waran Senegara Tahun 2015.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijunjung oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi majlis berkenaan.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pengiran Alizah binti Pengiran Haji Mohd. Tahir diikuti dengan nyanyian beramai-ramai Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Lagu Dunia Pandu Puteri dan Lagu Rantau Asia Pasifik.

Ini kemudian diteruskan dengan bacaan persetiaan PPPBD yang diketuai oleh Setiausaha Kehormat PPPBD, Dayang Aida binti Haji Abd. Rahman.

Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa yang antara lain menyebarkan seramai 352 orang menerima Lencana Keahlian

(Tenderfoot), Kad Waran dan Pra Waran yang terdiri daripada 239 Pandu Puteri, 28 Pandu Puteri Ranjer dan 60 Pandu Puteri Tunas sementara lapan Pemimpin Dewasa menerima Lencana keahlian, enam Pemimpin Dewasa menerima Kad Pra Waran dan lima menerima Kad Waran serta enam Pemimpin Muda menerima Kad Waran masing-masing.

Ahli-ahli baru berkenaan adalah dari 19 buah sekolah terdiri dari sebuah maktab, sebuah pusat tingkatan enam, 13 buah sekolah menengah dan empat buah sekolah rendah.

Menurutnya, keahlian adalah salah satu daripada penilaian yang dijalankan sekali dalam tiga tahun oleh Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS) ke atas ahli pertubuhannya termasuk PPPBD.

"Pembayaran kuota dari ahli-ahli WAGGGS adalah salah satu dari pendapatan bagi membiayai pentadbiran, kursus dan latihan serta kegiatan-kegiatan anjuran WAGGGS bagi ahli-ahlinya di seluruh dunia," tambahnya.

Beliau seterusnya menyebarkan, bayaran kuota adalah bagi setiap tahun di mana setiap ahli membayar selaras dengan pendapatan negara ahli berkenaan dan PPPBD tidak terkecuali dari pembayaran tahunan kuota ini, iaitu bagi 1,700 ahlinya.

Keahlian PPPBD bertambah setiap tahun, jelasnya, kemasukan Pandu Puteri Tunas, iaitu Brownies menurun pada tahun ini, tetapi kemasukan ahli Pandu Puteri bertambah.

Dayang Hajah Siti Hafsa juga menyebarkan, PPPBD telah dianugerahkan sijil lima kali dari Rantau Asia Pasifik kerana setiap tiga tahun telah dapat menambah kenaikan ahlinya 10 peratus di setiap tiga tahun penilaian keahlian dijalankan.

"Dalam 30 tahun PPPBD mengambil alih urusan pentadbirannya dari United Kingdom Guides, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PPPBD telah dapat membuat banyak perubahan dari segi pentadbirannya," ujarnya.

Ia telah dapat memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin pelapis mudanya di mana pada masa ini 60 peratus ahli jawatankuasa tadbirnya berumur di bawah 45 tahun.

Beliau menambah, adalah diharapkan Ahli-ahli Pelapis PPPBD ini akan dapat menjalankan dan membuat beberapa perubahan mengikut selera ahli-ahli muda supaya kegiatan-kegiatan yang dirancang menarik hati serta masih sesuai dan diterima pakai di sepanjang masa mengikut perkembangan di dunia yang sentiasa berubah ini.

Menurutnya lagi, selaku ahli penuh kepada pertubuhan dunia seperti WAGGGS, ahli-ahli muda PPPBD seharusnya sentiasa bersiap siaga dalam menangani perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh WAGGGS yang pada masa ini dalam penilaiannya difokuskan kepada penglibatan ahli-ahlinya menjalankan MDG, iaitu Millennium Development Goals yang menjurus kepada pendidikan dan advokasi program.

"Alhamdulillah Ahli-ahli PPPBD telah dapat menjalankan dan menamatkan semua lapan tema MDG tersebut. Akan tetapi semua pemimpin yang mengguna pakai *toolkit*, *guideline* dan aktiviti *pack* yang disarankan oleh WAGGGS bagi mendapat Lencana Korikulum Global Action Theme 'Together We Can Change Our World', semua bahan ini dapat diperolehi dari laman web WAGGGS dan adalah diharapkan ahli-ahli muda PPPBD dapat membuat perubahan dengan mendapatkan sendiri bahan-bahan pendidikan dan advokasi ini semata-mata untuk menimba ilmu pengetahuan jua," ujarnya.

Pada majlis itu, Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menyempurnakan penganugerahan Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra Waran Senegara Tahun 2015.

Penyampaian lencana dan Kad Waran serta Pra Waran ini merupakan salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan sebagai pengiktirafan kepada



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, Yang Di-Pertua Persatuan PPPBD berkenan menyampaikan Lencana Keahlian (Tenderfoot), Kad Waran dan Pra Waran Senegara Tahun 2015 kepada Ahli-ahli Pandu Puteri pada majlis berkenaan (atas dan bawah).



ahli-ahli persatuan yang baru.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Naib-Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat, Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PPPBD, pengetua, guru besar serta wakil pasukan-pasukan beruniform yang lain.



SEMBAH alu-aluan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim (atas), sementara gambar kiri, nyanyian beramai-ramai Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Lagu Dunia Pandu Puteri dan Lagu Rantau Asia Pasifik.

Jururawat perlu martabatkan profesion kesihatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berucap pada Majlis Konvokesyen Kursus Diploma Lanjutan Dalam Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan Sesi 2014 - 2015 dan Kursus Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am dan Perbidanan) Sesi 2013 - 2015.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Ciri-ciri murni yang terpuji adalah terkandung di dalam etika kerja profesion kesihatan termasuk kejururawatan yang perlu dipatuhi dan diikuti bukan sahaja menjaga imej, kredibiliti dan memartabatkan profesion kesihatan, tetapi ia mampu memberikan kepuasan hati kepada pelanggan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata, adalah mustahak diambil perhatian, difahami dan dipraktikkan oleh profesion kejururawatan ialah Nursing Procedure Manual.

Yang Berhormat berkata, asas utama untuk dijadikan sebagai garis panduan atau prosedur dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan khususnya dari aspek rawatan dan penjagaan kesihatan bagi jururawat dan perbidanan untuk memastikan tugas-tugas yang diamanahkan agar tercapai hasrat yang lebih selamat, kompeten, berkualiti, efisien dan efektif.

Yang Berhormat menjelaskan demikian pada Majlis Konvokesyen Diploma Lanjutan Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan Sesi 2014 - 2015 dan Kursus Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am dan Perbidanan) Sesi 2013 - 2015 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi semasa mengikuti kursus di pusat latihan dan perkembangan kejururawatan hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang kepada orang ramai khususnya pesakit.

Yang Berhormat menegaskan agar para graduan akan sentiasa berusaha meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang ada kaitannya dengan profesion masing-masing. Ini kerana bidang kejururawatan mempunyai perkembangan kerjaya yang sangat luas, iaitu dalam Skim Perkhidmatan Kejururawatan, mereka yang berkecenderungan dan berpotensi boleh mencapai ke jawatan yang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan Anugerah Khas Graduan Terbaik kepada Jurupuluh Anggota, Awang Haji Mohammad Khairul Annuar bin Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin.

tertinggi, iaitu Nurse Practitioner.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil kepada graduan dan anugerah khas oleh tetamu kehormat.

Peserta-peserta kursus terdiri daripada 10 pegawai jururawat yang telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun dan dua peserta daripada profesi kesihatan, iaitu seorang jurupuluh cara kerja dan seorang jurupuluh anggota.

Manakala tujuh pembantu jururawat pelatih mengambil Kursus Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am) selama dua tahun dan seramai 18 orang mengambil Kursus Sijil Pembantu Jururawat (Perbidanan).

Majlis tersebut merupakan penganugerahan kepada para graduan di atas pencapaian akademik mereka, di samping memberikan suntikan motivasi kepada para graduan untuk memulakan dan meningkatkan profesionalisme mereka dalam bidang masing-masing.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah bin Haji Mohd. Said; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Abdul Wahid bin Haji Matassan dan ketua-ketua jabatan.

Mantan Menteri Pendidikan terima anugerah



MANTAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar bergambar ramai bersama penerima-penerima lain bagi Anugerah Pengiktirafan sempena Sambutan 50 Tahun Penubuhan SEAMEO (SEAMEO 50th Anniversary Recognition Award).

PATTAYA, BANGKOK, Khamis, 7 Mei. - Mantan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar telah menerima Anugerah Pengiktirafan sempena Sambutan 50 Tahun Penubuhan SEAMEO (SEAMEO 50th Anniversary Recognition Award).

Majlis penyampaian anugerah telah diadakan di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Ke-48 SEAMEO di Royal Cliff Hotel Group, Chonburi, Pattaya Thailand.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Thailand, Yang Berhormat Admiral Narong Pipatanasai.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz adalah antara enam penerima anugerah berkenaan.

Penerima-penerima lain bagi anugerah ini ialah Yang Berhormat Prof. Dr. Bambang Sudibyo dari

Indonesia; Dato' Dr. Ahamad bin Sipon dari Malaysia; Prof Dr. Erlinda Canlas Pefianco dari Republik Filipina; Prof Dr. Adul Wichiencharoen, Penasihat Undang-Undang SEAMEO (1987 hingga sekarang) dan Mr. Tran Ba Viet Dzong dari Viet Nam.

Penghormatan anugerah tersebut adalah bagi mengenang jasa-jasa, sumbangan profesional dan kepimpinan Yang Berhormat dalam perkembangan bidang pendidikan, sains dan budaya di Negara Brunei Darussalam dan juga di peringkat serantau dan antarabangsa.

Anugerah berkenaan juga adalah bagi mengiktiraf sumbangan jasa Yang Berhormat kepada perkembangan dan kemajuan pusat serantau SEAMEO.

Yang Berhormat pernah menjawat sebagai Presiden Pertubuhan SEAMEO dan Pengerusi Majlis Persidangan SEAMEO sebanyak empat kali, iaitu pada tahun 1986 hingga 1987; 1992 hingga 1993; 1989 hingga 1999 serta 2004 hingga 2005.

Selain itu, Yang Berhormat turut

menyumbang kepada pelbagai perkembangan dan kerjasama pendidikan serantau ketika menjadi ahli Majlis SEAMEO dari tahun 1984 hingga 1986; 1988 hingga 1992; 1994 hingga 1998 serta 2000 hingga 2004.

Yang Berhormat juga pernah memegang beberapa jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, termasuk sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Brunei pada 1974 hingga 1981; Pemangku Menteri Besar Negeri Brunei pada 1 September hingga 31 Disember 1983; Menteri Pendidikan dan Kesihatan dari 1 Januari 1984 hingga 1986; Menteri Perhubungan dari tahun 1986 hingga 1987 serta Menteri Pendidikan dari 30 November 1988 hingga 24 Mei 2005.

Pada masa ini, Yang Berhormat adalah Ahli Majlis Mesyuarat Diraja Brunei; Majlis Ugama Islam Brunei; Majlis Adat Istiadat Brunei; Majlis Mesyuarat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; 'Board of Trustee of Oxford Centre United Kingdom' dan Ahli Rabitah Al-Alam Saudi Arabia.

HALUAN

PACS untuk warga emas menghidap penyakit kompleks

Dari muka 2

Dalam kesempatan ini, saya ingin juga menyarankan agar pihak PACS akan terus melipatgandakan usaha dalam memberikan taklimat, bimbingan dan program latihan khusus untuk penjaga atau ahli keluarga pesakit, termasuklah khidmat nasihat rawatan dan penjagaan pesakit yang berkeadaan kompleks di rumah dan juga bagi mereka yang menerima rawatan di pusat ini. Apa yang saya nyatakan sebelum ini ialah penglibatan pihak ahli keluarga adalah sangat penting. Ini adalah semata-mata untuk kita bersama-sama bekerjasama dan bertanggungjawab serta memberikan sokongan moral kepada pesakit untuk memperkembangkan lagi rawatan atau pemulihan seperti yang dirancang mengikut kondisi pesakit bagi membantu mereka ini menjalani kehidupan harian sebaik mungkin sepanjang hayat mereka.

Di majlis ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan strategik khususnya kepada pihak swasta dan persendirian yang memberi sokongan padu serta yang penuh komitmen serta kerjasama yang erat lagi padu dengan Kementerian Kesihatan dalam merealisasikan Projek PACS untuk bersama-sama berbakti dan beramal kepada mereka yang memerlukan. Ini termasuklah sumbangan kewangan atau *inkind*.

Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perasman PACS dan kesemua profesional kesihatan yang telah bekerja keras dan penuh komitmen dalam kita bersama-sama menjayakan Projek PACS. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas itu akan mendapatkan keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dengan melafazkan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya membuka rasmi PACS.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berucap pada Majlis Pelancaran Jerayawara Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. - Bagi menandai dan menjunjung tinggi hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Konsultan The Innova Group (Amerika) telah berjaya menghasilkan satu Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang komprehensif, yang bukan sahaja mendukung visi Kementerian Kesihatan, tetapi juga mendukung penuh ke arah pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan

Pelan Induk Sistem, Infrastruktur Kesihatan NBD dilancarkan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara tersebut pada Majlis Pelancaran Jerayawara Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan di sini.

Katanya, sistem penjagaan kesihatan seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam terus menghadapi pelbagai cabaran yang bukan sahaja berpotensi menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk, malah juga kepada sekuriti sosial dan kedayatahan pembangunan sosioekonomi negara.

Justeru itu, cabaran-cabaran yang dimaksudkan katanya, perlu ditangani secara komprehensif. Antaranya trend penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara yang meningkat dari setahun ke setahun khususnya bagi perkhidmatan kepakaran perubatan termasuk perkhidmatan kecemasan dan kenaikan jumlah kemasukan pesakit di hospital.

"Adalah dihasratkan dengan wujudnya Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam seperti yang dihasilkan akan dapat dijadikan sebagai peta jalan yang signifikan lagi bersistematik untuk panduan ke arah mengukuhkan dan meningkatkan kecemerlangan

sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, pelan induk yang berasaskan penyelidikan dan bukti, piawaian antarabangsa dan saranan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta amalan-amalan terbaik memfokuskan kepada dua elemen utama yang penting, iaitu strategi sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan strategi infrastruktur kesihatan.

Secara keseluruhan tambahnya, terdapat tujuh strategi yang diberi keutamaan dalam pelan induk tersebut, yang mana sebahagiannya telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam jangka masa pendek, sederhana dan seterusnya bagi tempoh 20 tahun ke hadapan.

Dengan adanya penyediaan dan pelaksanaan pelan induk yang komprehensif tersebut, Yang Berhormat percaya negara akan mampu menambah baik dan mempertingkatkan pencapaian matlamat pembangunan berdaya tahan mengenai kesihatan selepas tahun 2015 seperti yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations), iaitu bertemakan 'Mempastikan Kehidupan Yang Sihat dan Mempromosi Kesejahteraan Bagi Semua Peringkat Umur'.

"Bersama kita semua khususnya Kementerian Kesihatan supaya perancangan dan pelaksanaan strategi kesihatan di bawah pelan induk ini akan menjurus kepada transformasi

sistem penjagaan kesihatan negara yang lebih efisien, efektif serta berkualiti dengan penggunaan sumber yang optima, kos efektif dan ekonomikal," ungkap Menteri Kesihatan.

Strategi ini tegasnya juga untuk memastikan persediaan negara menghadapi cabaran-cabaran masa kini dan akan datang di peringkat nasional, serantau dan global serta berterusan memberikan perkhidmatan yang komprehensif, boleh dicapai oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara secara saksama, berdaya tahan bagi jangka masa panjang untuk memenuhi keperluan negara selaras dengan dasar Universal Health Coverage.

Menteri Kesihatan berhasrat agar strategi kesihatan tersebut dapat menjana warga dan generasi yang sihat sejahtera sepanjang hayat, aktif, produktif dan sekali gus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang dinamik, mapan dan berdaya tahan.

Oleh yang demikian, Yang

Berhormat menyarankan agar setiap ketua dan jawatankuasa pengurusan di jabatan dan bahagian masing-masing serta warga Kementerian Kesihatan hendaklah menggalas dan menandai sepenuhnya amanah dan tanggungjawab diberikan, sentiasa proaktif, kreatif, dinamik dan berinovatif dalam menjalankan peranan masing-masing termasuk menangani isu-isu yang timbul dengan segera.

Projek Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam merupakan pelan induk komprehensif yang akan dijadikan sebagai panduan perancangan dan pelaksanaan pelan-pelan tindakan, strategi sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan serta pembangunan infrastruktur pada Abad Ke-21.

Projek ini telah bermula pada Oktober 2012 selepas Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian di antara Kementerian Kesihatan dengan pihak konsultan yang diadakan pada September 2012.



ANTARA tetamu yang hadir pada Majlis Pelancaran Jerayawara Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Ketahui bahaya jenayah siber

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa 28 April. - Jabatan Peguam Negara kini memperluaskan perkhidmatannya dengan memberikan taklimat mengenai dengan jenayah siber kepada sekolah-sekolah rendah.

Sehubungan itu, lebih 200 pelajar Tahun 5, 6, 7 dan 8 Sekolah Arab Kuala Belait menghadiri taklimat yang diadakan di surau sekolah berkenaan yang antara lain bertujuan untuk mendidik orang ramai terutama sekali generasi muda mengenai undang-undang dan sistem undang-undang di negara ini.

Antara yang menyampaikan taklimat ialah Pegawai Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara, Dayang Siti Nurjauinah binti Haji Kula yang menyentuh mengenai penyebaran media lucah, penyebaran mesej WhatsApp, fitnah serta kebangkitan skim peras ugut dalam talian.

Sementara Pegawai Pelajaran sekolah tersebut, Dayang Nazurah binti Abdullah menyatakan, sekolah berkenaan masih belum menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan jenayah siber namun mereka terus memantau aktiviti dalam talian mereka.

"Semua pelajar secara aktif menggunakan media sosial seperti Facebook, manakala ramai daripada mereka telah menubuhkan kumpulan dan kemudahan WhatsApp untuk terus berhubung, untuk itu kesedaran mengenai jenayah siber adalah perlu bagi mereka," ujarnya.

Majlis kemudiannya diikuti dengan sesi soal jawab bersama para pelajar yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada mereka mengetahui secara lebih mendalam tentang bahaya jenayah siber.

Dalam hubungan itu, Bahagian Keadilan Jenayah, Jabatan Peguam Negara mengalu-alukan kepada sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan di negara ini yang berminat untuk mengadakan taklimat mengenai dengan Jenayah Siber dan Risiko serta bahaya Media Sosial boleh menulis surat kepada Bahagian Kehakiman Jenayah, Jabatan Peguam Negara, Undang-Undang dan Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



PEGAUAI-PEGAUAI daripada Jabatan Peguam Negara semasa menyampaikan taklimat kepada lebih dari 200 orang pelajar Sekolah Arab Belait.

PPNBD hulur bantuan



KETUA Pesuruhjaya Pengakap PPNBD, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali menyampaikan bantuan kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Malaysia selaku Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah Datuk Dr. Awang Zaini bin Haji Suntim.

Oleh : Hamdanajib Haji Domeng
Foto : PPNBD

KOTA KINABALU, SABAH, Ahad, 3 Mei. - Terkesan daripada kesengsaraan dan penderitaan yang dihadapi oleh ribuan mangsa musibah bencana banjir besar yang telah melanda negeri-negeri di Malaysia pada penghujung bulan Disember 2014 yang lalu, maka satu inisiatif telah diusahakan untuk disumbangkan kepada mangsa yang teruk terjejas.

Atas dasar persaudaraan sejagat serta misi Perutusan Kedamaian Pergerakan Pengakap Sedunia, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menggerak dan menubuhkan Tabung Bantuan Kemanusiaan Bencana Mangsa Banjir di mana kutipan wang daripada kalangan ahli Pengakap serta keluarga Pengakap yang sangat prihatin kepada mangsa banjir telah dijalankan selama dua bulan.

Sekali lagi baru-baru ini rombongan daripada PPNBD yang diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Pesuruhjaya Antarabangsa Abdul Manan bin Haji Abdul Latip; Setiausaha Agong Haji Zainuddin bin Haji Jaafar; Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, Haji Othman bin Durani; Ketua Pegawai Eksekutif Pengakap, Haji Mohd. Zali bin Haji Arsad dan Pegawai Eksekutif Pengakap Zainudin bin Haji Ishak telah berlepas ke Kota Kinabalu, Negeri Sabah, Malaysia untuk menyerahkan kutipan tersebut. Bantuan ini disampaikan untuk membantu mangsa-mangsa banjir yang terjejas di Daerah Beaufort, Negeri Sabah.

Majlis penyerahan wang kutipan hasil sumbangan derma daripada ahli

dan keluarga Pengakap yang berjumlah RM10,600 telah disampaikan oleh Haji Awang Badar kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Malaysia selaku Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah, Datuk Dr. Awang Zaini bin Haji Suntim bertempat di Arena Belia, Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Negeri Sabah, Malaysia semasa majlis penutup Bengkel Asas Pengurusan Risiko Persekutuan Pengakap Malaysia.

Turut hadir menyaksikan adalah Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap Kawasan Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Negeri Sabah serta peserta bengkel. Persekutuan Pengakap Malaysia merupakan salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia dalam menangani bencana musibah banjir.

Baru-baru ini, PPNBD telah berjaya menghantar bantuan berbentuk bahan makanan dan minuman kepada mangsa-mangsa bencana banjir yang telah dialami oleh penduduk di Daerah Limbang, Negeri Sarawak serta pada 9 Mac 2015 telah menyerahkan bantuan kewangan kepada lima buah negeri, iaitu Negeri Kelantan Darul Naim, Negeri Terengganu Darul Iman, Negeri Pahang Darul Makmur, Negeri Perak Darul Ridzuan dan Negeri Johor Darul Takzim di Malaysia Barat.

Harapan PPNBD dengan adanya sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban kehidupan mangsa banjir yang terjejas di daerah Beaufort, Negeri Sabah.

Jejambatan Lebuhraya Muara - Tutong kurangkan kepadatan trafik



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman merasmikan Jejambatan Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong / Jalan Utama Berakas bertempat di Jejambatan Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong / Jalan Utama Berakas.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Projek pembinaan Jejambatan di Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong / Jalan Utama Berakas dilaksanakan bagi mempertingkatkan mutu keselamatan di lebuh raya tersebut.

Persimpangan lampu isyarat yang ada sekarang tidak lagi sesuai untuk menampung jumlah kepadatan trafik yang ada sekarang apatah lagi dengan keadaan pertumbuhan lalu lintas yang kian bertambah.

Majlis Pembukaan Rasmi projek tersebut disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi menerima penerangan ringkas mengenai projek pembinaan jejambatan tersebut yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jalan Raya, JKR, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Metussin.

Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman di Jejambatan Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong / Jalan Utama Berakas.

Yang Berhormat dalam temu bual bersama para media menjelaskan, projek pembinaan jejambatan ini dibahagi kepada dua fasa, iaitu Rancangan Kemajuan Negara Ke-9 (RKN9) dan RKN10 dan memakan masa selama tiga tahun untuk disiapkan.

Jelasnya lagi, projek-projek lain yang dilaksanakan pada masa ini adalah di kawasan Meragang yang akan siap pada hujung tahun ini dan ada beberapa lebuh raya lagi dan jejantas yang sedang di dalam pembinaan, iaitu di Jalan Babu Raja dan Jalan Telanai yang dijangka siap pada tahun depan.

Menyentuh mengenai membesarkan lebuh raya di kawasan Perumahan Rimba menuju ke Taman Agro, Yang Berhormat berkata, pada masa ini projek tersebut dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap pada tahun 2016.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diteruskan dengan penerangan ringkas mengenai projek pembinaan jejambatan tersebut yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jalan Raya, JKR, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Metussin.

Majlis disusuli dengan Pembukaan Rasmi Jejambatan di Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong / Jalan Utama Berakas yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Projek pembinaan jejambatan tersebut merupakan salah satu projek di bawah RKN10 mula dibina pada Ogos 2011 melalui penglibatan pemborong tempatan, iaitu Hiew HY Construction Sdn. Bhd. dan di bawah pengawasan jurutera perunding Petar Perunding Sdn. Bhd. dengan melan belanja kira-kira BND43.3 juta.

Projek ini melibatkan penutupan kedua-dua persimpangan lampu isyarat, iaitu Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong / Jalan Utama Berakas dan Jalan Pasir Berakas dengan disediakan kemudahan jalan susur yang cukup selesa untuk menuju ke semua hala bagi keempat-empat destinasi, iaitu Muara, Jerudong, Lambak Berakas dan Berakas Kem.

Selain itu, projek ini juga melibatkan sebuah jambatan berupa 'Box Girder'



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman ketika ditemu bual oleh pihak media.

yang terpanjang sejauh ini yang dibina di negara ini, iaitu kira-kira 140 meter dengan kelebaran kira-kira 32m untuk menyediakan laluan empat lorong dua hala berserta bahu jalan yang selesa.

Ini adalah berasaskan kepada perancangan jangka panjang Kementerian Pembangunan melalui JKR untuk meningkatkan mutu keselamatan, efisiensi perjalanan, keselesaan para pengguna jalan raya dan juga membuka peluang perkembangan aktiviti sosioekonomi di sepanjang kawasan Lebuhraya Muara - Tutong.

Dengan pembukaan jejambatan ini maka JKR sukacita mengingatkan kepada orang ramai terutama para pengguna jalan raya supaya memandu dengan berhati-hati serta mengikut papan tanda yang telah disediakan demi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya yang lain.

Turut hadir pada majlis tersebut Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, selaku Penghulu Mukim Berakas 'A'; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah, Pemangku Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di kementerian berkenaan.



JEJAMBAT Persimpangan Lebuhraya Muara - Tutong / Jalan Utama Berakas.

Sejarah cermin identiti tamadun, budaya

Oleh : Muhammad Hidayatullah Zahari
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Sejarah adalah cermin identiti tamadun dan budaya sesebuah negara atau bangsa itu sendiri.

Masyarakat dan generasi yang hidup tanpa mempunyai pengetahuan sejarah lampau dan perjalanan sejarah yang dilalui oleh bangsa dan negara mereka adalah diibaratkan sebagai pokok yang tidak mempunyai akar.

Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan perkara itu pada Pertandingan Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Ke-2, 2014 / 2015.

Justeru itu tambahnya, semua negara di dunia memberikan kepentingan kepada catatan dan pengetahuan sejarah dalam kalangan rakyat dan generasi muda mereka. Ini kerana sejarah memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan dan pengukuhan negara bangsa (*nation building*). Sejarah juga berperanan kepada pembentukan generasi moden yang bermaruah dan mempunyai harga dan ketahanan diri yang menjadikan mereka berdaya tahan dalam menghadapi persaingan global.

Menurut Yang Berhormat, masyarakat dan generasi muda seharusnya tidak terlepas pandang kerana dalam sejarah terdapat pengajaran, kearifan dan kebijaksanaan yang boleh dijadikan panduan dan pedoman dalam kita mengejar kemajuan sains dan teknologi agar bangsa dan negara tidak terjebak kepada sindrom 'Pak Kaduk Ayam Menang Kampung Tergadai'.

"Sejarah negara dan bangsa itu perlu diketahui, dipelajari dan dikaji kerana melalui pengalaman, peristiwa dan perjalanan sejarah yang dilalui oleh bangsa dan negara itu adalah sangat bermakna dalam perkembangan tamadun dan kehidupan berbangsa dan bernegara. Tanpa merujuk sejarah, bangsa dan negara tidak akan berupaya dan mampu menghadapi dan seterusnya mengendalikan perancangan kemajuan dan pembangunan masa hadapan yang sempurna, mapan dan berdaya tahan," ujarnya.

"Pentingnya sejarah dalam pembangunan bangsa pernah disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-52 Tahun pada 15 Julai 1998 yang antara lain berbunyi : "Apa jua telah dan sedang dilalui negara ini, semuanya itu sejarah. Kita tidaklah boleh menolaknya begitu saja, sekalipun kadangkala kita tidak menyukainya. Adapun orang yang menerima sejarah itu statusnya adalah patriot, sementara yang ambil iktibar daripadanya adalah orang-orang yang bijaksana," jelas beliau.

Tambah Yang Berhormat, sejarah perlu dijadikan sandaran dan rujukan dalam membuat dasar serta keputusan dalam jentera pentadbiran kerajaan bagi faedah-faedah untuk pembentukan dasar kebangsaan yang lengkap dan sesuai dengan cita-cita, kepentingan dan perkembangan ekonomi, sosio politik serta kedudukan rakyat di negara ini.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap pada Majlis Pertandingan Akhir Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Kali Ke-2 berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Katanya, dengan demikian kita dapat merancang dan membawa negara dan bangsa kepada masa depan yang lebih baik dan pembangunan yang berdaya maju. Lebih-lebih lagi dalam penghayatan konsep Melayu Islam Beraja melalui pemahaman dan penghayatan sejarah bangsa, generasi muda akan dapat memperoleh gambaran yang jelas akan relevan dan peranan konsep berkenaan dalam pembangunan dan kemajuan negara ke arah mempertahankan *survival* dan kesinambungan kedaulatan bangsa.

Dari sejarah menurutnya, generasi muda akan dapat melihat dan memahami bahawa bangsa Brunei mempunyai tamadun yang tinggi dan masih tulen yang dapat bertahan berabad lamanya hingga ke hari ini. Perkara ini adalah lambang identiti bangsa Brunei yang perlu disanjung dan dipertahankan oleh generasi muda di zaman ini.



AWANG Muhammad Raziq bin Abdullah dari Universiti Brunei Darussalam ketika membawakan pidatonya bertajuk 'Sejarah Membina Generasi Berwawasan' bagi Kategori 'A'.



DAYANG Nurfadhlina Najihah binti Haji Mohd Yusoff peserta dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan ketika membawakan pidatonya bertajuk 'Pengiran Shahbandar Mohd. Salleh, Tokoh Pemikiran Bangsa' bagi Kategori 'C'.



SEBAHAGIAN daripada para jemputan yang hadir pada pertandingan tersebut.

Mawaddah asas keluarga berwawasan



PELANCARAN Sambutan HKK 2015 dirasmikan oleh Dato Paduka Haji Jamain bin Julaihi, Setiausaha Tetap Hiliran dan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Pemangku Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Berita dan Foto : Noraisah Mohammad

KUALA BELAIT, Isnin, 4 Mei. - Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Daerah Belait Zon II bermula dengan Kuliah Subuh dan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diadakan di Masjid Jamalul Alam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Hiliran dan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka

Haji Jamain bin Julaihi, selaku wakil peribadi Pemangku Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri bersama Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.

Sembahyang Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Alias bin Bakar.

Sejurus itu, Kuliah Subuh

disampaikan oleh Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Zulkifli bin Zakaria yang antara lain menyentuh tentang asas berkeluarga takwa dengan mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Katanya, menjalani hidup dengan mawaddah dan kasih sayang sebagai satu asas untuk keluarga berwawasan serta anak yang baru lahir hendaklah diazankan di telinga kanan dan

diqamatkan di telinga kiri serta dirasakan kurma di langit-langitnya.

Beliau menerangkan bahawa didikan ugama dari keluarga boleh mengelakkan generasi berwawasan dari terjerumus dengan aktiviti-aktiviti sosial dan setiap keluarga dinasihatkan untuk tidak lalai mengingati Allah kerana sibukkan harta dan anak-pinak.

Keluarga berwawasan dapat membentuk keluarga yang berkualiti

dengan tidak meninggalkan suruhan Allah dan menjadikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai *role model* umat Islam dalam mendidik keluarganya.

Sambutan HKK Daerah Belait Zon II, dirai dengan penuh kekeluargaan yang disertai oleh beberapa buah keluarga terdiri daripada penduduk daerah itu dalam acara sambutan yang diadakan di Padang Bandaran, Kuala Belait.



GAMBAR ramai bersama tetamu kehormat acara sambutan.

Pelajar istimewa terima peralatan sekolah



PENGURUS Am National Insurance Company Berhad, Mr. Kolja Klawann menyampaikan beg sekolah kepada sebahagian daripada pelajar istimewa.



Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BENGKURONG, Rabu, 6 Mei. - Golongan orang yang berkeperluan khas di negara ini sentiasa mendapat perhatian masyarakat dalam menyalurkan bantuan dan sumbangan kepada mereka.

Pusat Ehsan Al Ameerah Al-Hajjah Maryam hari ini menerima sumbangan derma berupa beg dan juga peralatan sekolah daripada National Insurance Company Berhad yang berlangsung di pusat berkenaan.

Seramai 30 pelajar dari kelas vokasional, pra-vokasional atas, pertengahan dan bawah, menerima sumbangan tersebut yang disampaikan oleh Pengurus Amnya, Mr. Kolja Klawann.

Pusat Ehsan merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang tidak berasaskan keuntungan dan berperanan untuk menyediakan pendidikan yang bermutu, latihan, pemedulian dan perkhidmatan-perkhidmatan khas untuk individu kurang upaya dan intelektual.

Sehingga kini, pusat tersebut mempunyai seramai 157 pelajar istimewa yang berdaftar bagi Cawangan Bengkuring manakala 53 pula bagi Cawangan Kuala Belait.

Dengan adanya sumbangan tersebut akan dapat membantu para pelajar pusat tersebut dalam menjalani perubahan pembelajaran mereka sehari-hari.

Pantau perkembangan sekolah agama

Berita dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

BERAKAS. - Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah membuat lawatan secara berkumpulan ke Sekolah Ugama Lambak Kanan, Berakas yang diusahakan oleh Ketua Kawasan Brunei IIA, Awang Haji Shahmidun bin Haji Ibrahim.

Aktiviti lawatan berkumpulan yang diadakan pada hari Selasa, 5 Mei 2015 itu bertujuan untuk memantau pelaksanaan praktikal Wuduk murid-murid dan perbuatan-perbuatan Sembahyang Berjemaah (Fardu



SALAH sebuah kelas di Sekolah Ugama Lambak Kanan, Berakas ketika menerima lawatan berkumpulan dari Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Zuhur) yang sempurna dan betul.

Lawatan berkumpulan itu juga melakukan pencerapan ke atas pengajaran guru dan semakan

buku-buku latihan murid-murid.

Antara yang hadir ialah Ketua Bahagian Kenaziran, Awang Haji Hasbi bin Haji Mohd. Suhaily serta beberapa orang pegawai lawatan dan nazir dari Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Pada akhir lawatan sesi maklum balas dilakukan di antara Bahagian Pentadbir Sekolah, guru-guru dengan pegawai-pegawai lawatan berkenaan.



PELAJAR-PELAJAR Sekolah Ugama Lambak Kanan, Berakas semasa pemantauan oleh rombongan dari Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI) sedang mempraktikkan Sembahyang Berjemaah Fardu Zohor dengan sempurna dan betul.

Pembayaran pakej haji berakhir 19 Mei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Menurut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Haji Arab Saudi (KHAS) menghendaki segala hal ehwal urusan haji hendaklah dibuat menepati dan mematuhi masa yang ditetapkan dan dibuat melalui sistem pendaftaran haji secara *online e-haji*.

Selaras dengan peraturan KHAS tersebut dan bagi menjamin kesempurnaan pengurusan bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam maka langkah-langkah seperti menyenaraikan nama-nama bakal jemaah haji dan pembayaran-pembayaran dengan pihak-pihak berkenaan di Arab Saudi akan dibuat lebih awal mengikut masa yang ditetapkan.

Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa pembayaran pakej haji bagi musim haji tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi akan bermula pada hari Selasa, 16 Rejab 1436H bersamaan 5 Mei 2015M sehingga 1 Syaaban 1436H bersamaan 19 Mei 2015M.

Sehubungan itu, bakal-bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi musim haji tahun 1436H / 2015M adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran pakej haji kepada Syarikat Operator Haji yang telah dipilih pada tarikh yang telah ditetapkan.

Nama bakal jemaah haji yang membuat pembayaran pakej haji akan dihadapkan ke KHAS melalui sistem pendaftaran haji e-haji KHAS bagi urusan-urusan pengeluaran visa sebagaimana yang ditetapkan oleh KHAS.

Mana-mana bakal jemaah haji yang gagal menyempurnakan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan itu akan menjejaskan proses pengeluaran visa haji dan pemergian mereka untuk menunaikan haji pada musim haji tahun 1436H / 2015M.

Bakal-bakal jemaah haji bolehlah berhubung terus kepada Syarikat-syarikat Operator Haji yang telah dipilih untuk sebarang maklumat lanjut mengenai proses pembayaran pakej haji.

Kemas kini laporan perkembangan Pengawasan Kejiranan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 21 April. - Bagi mengemaskinikan laporan perkembangan Pengawasan Kejiranan kepada para penghulu dan ketua-ketua kampung, satu perjumpaan di antara Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong bersama Penasihat dan Pengerusi Pengawasan Kejiranan di daerah ini diadakan di Bilik Syarahan, Ibu Pejabat Daerah Polis Temburong, di sini.

Semasa perjumpaan tersebut, Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penguasa Polis Mohammad Azrie bin Haji Talip antara lain menyampaikan laporan mengenai keahlian Pengawasan Kejiranan di daerah ini, di samping menghargai sokongan padu ahli Pengawasan Kejiranan dan masyarakat setempat.

Sementara itu, Pegawai Penguasa Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong, Penolong Penguasa Polis Pengiran Anak Haji Azzanuddin Aman Shah bin Pengiran Anak Ismail Al-Haj dalam laporannya pula menyatakan mengenai aktiviti

PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penguasa Polis Mohammad Azrie bin Haji Talip ketika mengadakan perjumpaan bersama para penghulu dan ketua-ketua kampung di Ibu Pejabat Daerah Polis Temburong.

Pasukan Polis Diraja Brunei bersama Pengawasan Kejiranan dan masyarakat seperti mengadakan taklimat mengenai pencegahan jenayah, mengadakan aktiviti pencegahan jenayah bersama penduduk Kampung Batu Apoi dan sebagainya.

Perjumpaan antara lain bertujuan untuk menyampaikan laporan keahlian Pengawasan Kejiranan serta laporan aktiviti Pengawasan Kejiranan, di samping untuk memberikan makluman kepada penasihat dan pengerusi Pengawasan Kejiranan yang baru dilantik.

Juga hadir ialah Pegawai Jenayah dan Lalulintas Daerah Polis Temburong, Penolong Penguasa Polis Awangku Haji Mohd. Khairul Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.



Pengawasan Kejiranan ditubuhkan dengan tujuan untuk menanamkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang

kepentingan untuk sama-sama bertanggungjawab menjaga keamanan dan kestabilan negara yang mana ahli jawatankuasa Penga-

wasan Kejiranan antara lain berperanan memberikan bantuan dan kerjasama kepada pihak Daerah Polis dan Balai Polis.

Rondaan Pengawasan Kejiranan PDB Bersama Penduduk RPN Rimba Kawasan 2

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei bersama dengan penduduk Kampung Perpindahan Rimba Kawasan 2 telah mengadakan rondaan cegah jenayah pada Selasa 21 April 2015.

Seramai 15 ahli penduduk diketuai oleh Ketua Kampung RPN Rimba Kawasan 2, Mohammad bin Haji Kabon, manakala seramai 11 orang anggota Polis diketuai oleh P/ASP Pg. Haji Mohd. Saiful Ariff daripada Balai Polis Berakas turut bersama menjalankan rondaan di kawasan Kampung RPN Rimba Kawasan 2.

Pendekatan bersama orang kampung serta rondaan bermula pada jam 8.30 malam hingga 11.5 malam.

Adalah disarankan kepada penduduk-penduduk rumah untuk memastikan keadaan di sekeliling kawasan rumah diterangi dengan cahaya lampu bagi mengelakkan berlakunya jenayah pecah rumah pada malam hari.

Juga dinasihatkan kawasan rumah dalam keadaan bersih daripada semak agar kawasan lebih terbuka.

Bagi penduduk-penduduk kampung yang berminat dan ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan dengan Pengawasan Kejiranan, dinasihatkan untuk berjumpa dengan ketua-ketua kampung untuk keterangan lanjut.

259 kesalahan lalu lintas dicatatkan - Minggu Ketiga April

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah merekodkan sebanyak 259 kes atas pelbagai kesalahan lalu lintas bagi minggu ketiga bulan April 2015 (15 - 21 April 2015).

JSKLL telah mengambil tindakan ke atas para pemandu yang telah didapati melakukan pelbagai kesalahan lalu lintas semasa mengadakan operasi penguatkuasaan mahupun semasa rondaan penguatkuasaan lalu lintas.

Sebanyak 220 kes telah dicatatkan menerusi JSKLL Gadong dan

39 melalui JSKLL Cawangan Belait. Dalam hubungan ini, Pasukan Polis Diraja Brunei ingin mengingatkan kepada para pemandu untuk memandu mengikut had laju yang ditetapkan kerana pada minggu ketiga bulan April 2015 telah didapati 63 kenderaan yang dipandu melebihi had kelajuan.

Selain itu, PDB juga menekankan kepada orang ramai supaya tidak akan melibatkan diri dengan sebarang kesalahan yang melibatkan lalu lintas dan mematuhi peraturan jalan raya serta menghormati pengguna jalan raya lain bagi mengelakkankemalangan yang tidak diingini.

Dua syarikat didenda

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Dua buah syarikat, iaitu Syarikat Abasa Shipping and Trading Sdn. Bhd. dan Syarikat Ngu Shipping & Trading Sdn. Bhd. telah dijatuhi hukuman oleh Ketua Majistret Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli, setelah kedua-dua syarikat tersebut mengaku bersalah pada 12 Februari 2015 di mana pengakuan telah dibuat oleh Lau Ing Kwong, Pengurus syarikat-syarikat tersebut.

Ngu Shipping and Trading Sdn. Bhd. adalah syarikat yang berdaftar di Malaysia manakala Abasa Shipping & Trading Sdn. Bhd. berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

Ngu Shipping and Trading Sdn. Bhd. mempunyai dua buah kapal, iaitu Jinluck Dua dan Abasa No.1, hasil siasatan Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa kedua-dua kapal tersebut membawa masuk batu dari Lawas, Sarawak, Malaysia ke Negara Brunei Darussalam tanpa membuat pengisytiharan kastam ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei mengenai dengan kemasukan batu-batu tersebut.

Pada 12 Februari 2015, Lau Ing Kwong mewakili Syarikat Abasa Shipping & Trading Sdn. Bhd. telah mengaku bersalah bagi 20 pertuduhan

di bawah Bab 140(l)(a) Perintah Kastam 2006 dan Bab 147(l) Perintah Kastam 2006.

Manakala bagi Ngu Shipping & Trading Sdn. Bhd., Lau Ing Kwong telah mengaku bersalah bagi 36 pertuduhan di bawah Bab 4I(2) Perintah Kastam 2006.

Mahkamah Majistret dalam memutuskan hukuman terhadap Syarikat Abasa Shipping & Trading Sdn. Bhd. telah mengambil kira perkara-perkara berikut :

- (i) pengakuan bersalah yang dibuat,
- (ii) kerugian yang dialami kerajaan disebabkan kesalahan yang dilakukan,
- (iii) tertuduh juga telah mendapat keuntungan daripada kegiatan yang dilakukan,
- (iv) untuk dijadikan pengajaran bagi orang awam.

Oleh yang demikian, Mahkamah Majistret telah mengenakan denda sebanyak BND152,000 (Ringgit Brunei Satu Ratus Lima Puluh Dua Ribu) terhadap Syarikat Abasa Shipping & Trading Sdn. Bhd.

Sementara itu, Mahkamah Majistret dalam memutuskan hukuman terhadap Syarikat Ngu Shipping & Trading Sdn. Bhd. telah mengambil kira perkara-perkara berikut :

- (i) pengakuan bersalah yang dibuat,
- (ii) kerugian yang dialami kerajaan

disebabkan kesalahan yang dilakukan,

(iii) tertuduh juga telah mendapat keuntungan daripada kegiatan yang dilakukan,

(iv) untuk dijadikan pengajaran bagi orang awam,

(v) kekerapan melakukan kesalahan dalam jangka masa yang pendek,

(vi) masa yang diambil oleh Biro Mencegah Rasuah dalam menjalankan siasatan dan seterusnya pihak Pendakwa Raya dalam membawa kes ini ke mahkamah.

Oleh yang demikian, mahkamah mengenakan denda sebanyak BND90,000 (Ringgit Brunei Sembilan Puluh Ribu) terhadap Syarikat Ngu Shipping & Trading Sdn Bhd.

Sementara itu, Mahkamah Majistret juga memerintahkan bagi Kapal Jinluck Dua untuk dirampas dan diserahkan kepada kerajaan.

Manakala Kapal Abasa No.1 diperintahkan oleh Mahkamah untuk diserahkan kembali kepada Syarikat Ngu Shipping & Trading Sdn. Bhd.

Kedua-dua perintah itu ditangguhkan sementara rayuan dibuat oleh Timbalan pendakwa Raya Sharon Yeo dan peguambela tertuduh, YC Lee.

Dengan ini, kedua-dua kapal tersebut masih lagi di bawah jagaan Biro Mencegah Rasuah.

JPN adakan sesi perbincangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Jabatan Peguam Negara (JPN) telah mengadakan sesi perbincangan bertajuk 'Perjanjian Pelaburan dan Timbang Tara Antarabangsa' pada Sabtu lalu.

Penceramah yang diundang ialah Puan Penelope Nevill, Peguam Rendah di 20 Essex Street, Dewan Peguambela Perdagangan yang berpusat di London.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Peguam Negara, Puan Nevill telah muncul sebagai peguam di Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Mahkamah Eropah Hak Asasi Manusia, Lampiran VII UNCLOS Tribunal dan Mahkamah Tinggi UK (Bahagian Mahkamah Inggeris) dan Mahkamah Rayuan.

Beliau telah terlibat dalam prosiding di hadapan tribunal timbang tara di bawah perjanjian pelaburan dan konvensyen undang-undang laut dan mahkamah dalam negara yang melibatkan isu-isu undang-undang awam antarabangsa.

Beliau juga merupakan Gabungan Pensyarah di Universiti Cambridge, Pensyarah Pelawat di Universiti Auckland dan juga mengajar di King's College London.

Sesi itu telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari JPN, pegawai-pegawai dari pelbagai kementerian kerajaan yang terlibat dalam rundingan perjanjian perdagangan bebas dan juga Ahli-ahli Persatuan Undang-Undang.

Perbincangan itu memberikan pengenalan kepada undang-undang berhubungan dengan perjanjian pelaburan dan juga proses Penyelesaian Pertikaian Pelaburan Negara (ISDS).

Sesi ini membincangkan konsep 'layanan yang adil dan saksama' dan langkah-langkah rampasan dan trend semasa dalam kedua-dua konsep tafsiran tribunal timbang tara.

Ia juga membincangkan jenis perlindungan yang Negara Brunei Darussalam perlu memberi tumpuan kepada membangunkan perjanjian pelaburan model sendiri.

Keunikan budaya lahirkan ilmuan berjaya

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

JEPUN merupakan negara maju yang tidak asing lagi dengan kecanggihan teknologi dan sainsnya namun negara tersebut masih mengekalkan budaya tradisi yang diwarisi sejak zaman prasejarah Jepun (Jomon) yang kukuh dengan pengaruh dari luar negara yang menyusul kemudian. Di samping mengekalkan kebudayaannya negara Jepun juga amat mementingkan pendidikan apabila pendidikan rendah dan menengah, serta pendidikan tinggi diperkenalkan pada tahun 1872. Manakala sejak tahun 1947, rancangan pendidikan wajib di Jepun telah mewajibkan setiap warganegaranya bersekolah selama sembilan tahun di sekolah rendah dan sekolah menengah (dari usia 6 hingga 15 tahun). Hal ini telah menunjukkan kadar celik huruf bagi negara tersebut hampir mencapai seratus peratus.

Pada Februari lalu semasa menyertai Program Lawatan Kumpulan Wartawan ASEAN ke Jepun bersama rakan dari Borneo Bulletin, penulis berkesempatan mengalami sendiri budaya yang diterapkan di sana dan bagaimana pendidikan itu amat penting bagi masyarakatnya sehingga mereka berjaya melahirkan ilmuan yang berjaya dalam bidang masing-masing.

KUIL ASAKUSA KANNON

Kuil Asakusa Kannon, yang juga dikenali sebagai Sensoji merupakan kuil Buddha yang terletak di Asakusa, Jepun. Ia merupakan salah sebuah kuil paling cantik dan popular di Jepun. Kuil Asakusa Kannon ini siap dibina pada tahun 645, dan menjadikannya kuil paling tua di Jepun.

Semasa tiba di sana, rombongan dapat menyaksikan Kaminarimon (Thunder Gate), pintu pagar luar Kuil Sensoji, yang juga menjadi simbol Asakusa serta seluruh bandar Tokyo. Rombongan wartawan ASEAN juga berkesempatan berjalan-jalan di sekitar kuil di mana terdapatnya deretan kawasan petak-petak jualan sejauh 200 meter, dipanggil Nakamise yang bermula dari luar pintu Kaminarimon sehingga ke pintu gerbang kedua kuil, yang dipanggil Hozomon. Di samping menjual cederamata Jepun seperti yukata dan kipas lipat, pelbagai makanan ringan tradisional tempatan dari kawasan Asakusa juga dijual sepanjang Nakamise.



PENULIS berada di hadapan Kuil Asakusa Kannon di Asakusa.

ISTANA KOKURA

Istana Kokura merupakan peninggalan sejarah di Bandaraya Kitakyushu. Istana ini telah dibina oleh Maharaja Hosokawa Tadaoki pada tahun 1602. Reka bentuk seni bina istana ini dipanggil sebagai 'Karazukuri', yang menonjolkan seni bina unik. Istana Kokura yang dapat dilihat hari ini telah dibina semula pada 1959 dan masih mengekalkan seni bina asalnya.

Walaupun kunjungan rombongan media ASEAN di Istana Kokura agak singkat namun kami berkesempatan menyaksikan beberapa pameran sejarah dan budaya sekitar istana. Di sini juga mempamerkan barangan berharga milik maharaja ketika itu. Di istana ini pengunjung juga boleh menyaksikan paparan suasana di dalam istana semasa zaman Edo dan sebagainya.

MUZIUM MANGA

Manga merupakan komik yang dihasilkan di Jepun. Karya-karya yang dihasilkan terdiri daripada pelbagai genre misalnya, fiksi, komedi, fantasi, misteri dan sebagainya. Di Muzium Manga Kitakyushu terdapat sembilan kawasan pameran tetap antaranya Kitakyushu to the Galaxy : The City that influenced Leiji Matsumoto, The 7 Wonders of Manga, Kitakyushu : Manga City, Manga Time Travel from 1945 to the Present dan banyak lagi. Semasa berada di sini, rombongan media ASEAN sangat teruja menyaksikan karya-karya manga oleh artis-artis terkemuka Kitakyushu.

Di kawasan Sudut Bacaan, pengunjung boleh membaca kira-kira 50,000 buku manga. Di sini, dapat dilihat bahawa budaya membaca itu sudah amat sebatik dalam diri masyarakat Jepun apabila peminat manga ini bukan sahaja terdiri daripada golongan muda malahan hingga golongan tua sedang asyik membaca manga. Di samping terdapat juga sudut di mana pengunjung boleh menyertai kelas melukis manga.

PUSAT PEMBELAJARAN BANTUAN KESELAMATAN

Dengan keadaan negara Jepun yang sering berhadapan dengan bencana alam seperti gempa bumi, kesedaran awam tentang kepentingan mengetahui akan perihai berdepan dengan bencana tersebut amat dititikberatkan oleh kerajaan Jepun. Oleh itu, terbinanya Pusat Pembelajaran Keselamatan, Jabatan

ROMBONGAN media ASEAN bersama para pegawai MOFA Jepun berkesempatan merakamkan gambar kenangan di hadapan Istana Kokura, yang menjadi simbol bagi Bandar Kitakyushu.

Bomba Jepun adalah untuk memberikan ilmu pengetahuan dan pembelajaran kepada orang ramai agar lebih bersiap sedia apabila berdepan dengan bencana.

Semasa berada di sini, rombongan telah merasai simulasi gempa bumi dengan beberapa jenis gegaran yang pernah terjadi dalam sejarah gempa bumi Jepun. Selain itu, rombongan juga diajar bagaimana untuk melindungi diri daripada menyelamatkan diri daripada terperangkap dari sebuah bilik dipenuhi asap semasa berlaku kebakaran dan diajar cara menggunakan pemadam api dengan betul.

RITSUMEIKAN ASIA PACIFIC UNIVERSITY (APU)

APU merupakan sebuah universiti yang terletak 400 meter di atas paras laut yang menyajikan pemandangan Bandar Beppu, gunung-ganang dan lautan yang memukau. Keindahan APU ditambah lagi dengan berlatarbelakangkan gunung-ganang yang diselimuti salji.

Semasa berada di APU, rombongan media ASEAN telah diberi taklimat oleh Dekan Kemasukan Kolej Pengajian APU, Profesor Dr. Kondo Yuichi. Beliau antara lain menjelaskan bahawa 989 daripada kemasukan 5,796 pelajar semasa adalah dari negara ASEAN,



SUASANA ruang bacaan di Muzium Manga.



RAKAN media ASEAN semasa mencuba simulasi gempa bumi.

sebahagian besarnya dari Viet Nam. Sementara dari Negara Brunei Darussalam seramai tiga mahasiswa melanjutkan pengajian mereka di sini di bawah program berkembar.



RITSUMEIKAN Asia Pacific University yang terletak di Bandar Beppu.

Di samping itu, mahasiswa APU akan mendapat pekerjaan antara enam bulan hingga setahun sebelum menamatkan pengajian dengan tawaran kerja daripada syarikat Jepun seperti Nissan dan Toshiba.

Selain itu, rombongan juga dibawa meninjau lebih dekat asrama APU yang dikenali sebagai AP House. Di sini, rombongan juga berkesempatan melihat lebih dekat kemudahan yang terdapat di asrama tersebut.

Dari lawatan ini, walaupun negara Jepun itu sebuah negara yang terkenal dengan kegiatan industrinya namun kehidupan masyarakatnya yang kaya dengan budaya yang asli dan unik itu masih terjaga, di samping menerapkan bahawa pendidikan itu amat penting bagi setiap warganegaranya sehingga terbukti mereka adalah kalangan pencipta teknologi terkemuka dunia.



کلیہن ممینا مسجد

کیت سبائی رعیہ دان فندودوق دنکارا این مراس امة برشکور کران کباوه دولی یغ مها ملیا فادک سری بکندا سلطان دان یغ دفتوان نکارا برونی دارالسلام تله ممقرکنکن فنبوهن تابوغ دانا فمیینان مسجد دنکارا این. کباوه دولی یغ مها ملیا تله برتیه ممقرکنکن فنبوهن تابوغ ترسبوت ستمس برکنن برعکة فد مجلس مسابقة مباح القرآن بهاکن دیواسا فریغکة اخیر کیغسان ۱۴۳۶ هجره / ۲۰۱۵ مسیحی یغ برلغسوغ دفوسه فرسیدغن أنتارایغسا، براکس یغ لالو.

تیتہ بکندا، سالد ساتو إشارة دری آجارن القرآن دان جوک حدیث نبی صلی اللہ علیہ وسلم ایالہ ممینا مسجد، یایت تمقه اورغ ۲ اسلام برعباده. عمالن ممینا مسجد این ادالہ سالد ساتو " عمل بسر " یغ منداتککن کنجارن ساغہ لوماین. مک تابوغ دانا این اکن منجادی واده ککل باکی اورغ ۲ اسلام انتوق منابوغ فہلا کران ممینا مسجد.

منوروت بکندا لاکھی، ای اکن برلاکو سجارا کونسیستن سبائی ساتو فلوغ کامسن باکی اورغ ۲ اسلام انتوق برتام ساهم دآخیره. ساهم ایت صفتن یونیک سہیغک تیدق ترجفکاو اولہ عقل، منکل نبی محمد صلی اللہ علیہ وسلم برسیدا، مقصودن: " برغسیاف ممینا مسجد کران اللہ، سکالیقون هان سفرت سارغ بوروغ، مک اللہ اکن ممینا انتوقن رومہ ددالم شرک ".

اینلہ جنجی اللہ سبحانہ وتعالی کفد اورغ ۲ یغ ممینا مسجد، دان اد فون تابوغ دانا یغ اد این، ان شاء اللہ اکن موغکنکن کیت اورغ ۲ اسلام دنکارا این انتوق برکوغسی هارفن باکی ممقرأولیہی جنجی ترسبوت. سموا کوتیقن یغ ترکومقول اکن دمنفعتکن سبایکن انتوق ممینا مسجد بارو، ترماسوق ممقرباکی مسجد یغ سدیا اد دان سبایکن. دمکین تیتہ کباوه دولی یغ مها ملیا.

مسلمین یغ درحمی اللہ،

دغن ترتوبوهن تابوغ دانا باکی فمیینان مسجد ترسبوت، مک اورغرامی بولہلہ میومیغ کفد تابوغ برکنان ملالوی برباکی چارا سفرت فموتوغن واغ ملالوی آراهن تنف کفد بیغک، سومباغن سجارا تروس کدالم آکاون تابوغ دانا، مبرهکن سومباغن ۲ کفد جباتن حال احوال مسجد، مندرما ملالوی تابوغ ۲ دانا یغ دلتقکن دتمقه ۲ ترتنتو سفرت مسجد ۲ دان باغونن ۲، فرخدماتن sms دان سبایکن.

ان شاء اللہ، سبایکیمان یغ دریغ، سنلہ تیک بولن تابوغ دانا باکی فمیینان مسجد این دلنجرکن، مک قائدہ کوتیقن سجارا فموتوغن کاجی اکن مولا دلقسناکن. قائدہ فموتوغن کاجی ادالہ سجارا سوکریلا، فکاوی سرت کاکیتاغن کراجان دان شریکة ۲ برکاپن کراجان (GLC) ادالہ دالو ۲ کن انتوق ممبوات فموتوغن کاجی این دغن جملہ مینیمام دوا ریغکیت.

اولہ یغ دمکین، اورغرامی خاصن رعیہ دان فندودوق نکارا این ادالہ دسرو انتوق سام ۴ مغمیل فلوغ دان کسمقاتن کامسن این انتوق ملاکوکن عمل جاریہ. کیت بردعاء سموک سکل عمل جاریہ یغ کیت لاکوکن دغن إخلاص اکن دترنما اللہ سبحانہ وتعالی دان اکن مندافہ کنجارن یغ برلیقہ کندا سقرتمان یغ تله دجنجیکن اولہ اللہ سبحانہ وتعالی. آمین یا رب العالمین. تفسیرن:

فرندیقن اورغ ۲ یغ مبلنجاکن هرت مریک فد جالن اللہ ساملہ سفرت منام سبیحی بنیہ یغ منومبوھکن توجہ تفکی، تیف ۲ ساتو تفکی قول مغندوخی سراتوس بیجی. دان اللہ مشکنداکن فہلا باکی سسیاف یغ دکھندیقن. دان اللہ مها لواس رحمہ دان لیمقہ کرنیان لاکھی مها مغتھوی. { سورة البقرة آية: ۲۶۱ }

ماریلہ کیت منیغکنکن کتقوان کیت کفد اللہ سبحانہ وتعالی دغن فنوہ کیقینن دان کإخلاصن دغن ملاکوکن سکل سوروهنن دان منیغکنکن سکل لاراغنن. مدھمداهن کیت منجادی انسان یغ برتقوی دان برلمان سرت سلامة ددنیا دان سلامة دآخیره.

مسجد ایالہ تمقه یغ ملیا لاکھی دملیاکن. قرانن مسجد دالم کھیلدوقن اورغ اسلام ایت ساغہ فنتیق دان برھوبوغ رافہ دغن عنصر کتقوان سبایکیمان قرمان اللہ سبحانہ وتعالی دالم سورة التوبة آية ۱۰۸:

تفسیرن:

سسفکوھن مسجد قباء یغ دینا آتس داسر تقوی سحوق هاری فرتام دینا، ادالہ لبہ لایق أغکو مندیریکن سمیغ ددالمن.

رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم برسیدا دالم سبواہ حدیث:

مقصودن:

دری أبو هريرة رضي الله عنه، بهو رسول الله صلى الله عليه وسلم برسیدا: تمقه یغ فالیغ دسوکای اللہ ددالم سسوات نکری ایت ایالہ مسجد ۲. { رواه الإمام مسلم }

مندعکن مسجد ادالہ تمقه یغ فالیغ دجینتای دان دسوکای اولہ اللہ سبحانہ وتعالی، مک اورغ ۲ اسلام دسوروه ممیری فرھاتین یغ سروس ترھادف فملیھاران دان فنتعمران مسجد دغن برباکی آکیتی کعلمون دان لاین ۲ یغ برقائده دان برمنقعة کفد مشارکة.

نامون یغ لبہ بسر کنجارن ترھادف فرکارا ۲ یغ برکاپن دغن مسجد ایت ایالہ ممینا مسجد ایت سندیری. رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم اد برسیدا مغنای کاوتمان دان کلیہن ممینا مسجد این:

مقصودن:

دری مُحَمَّدُ بْنُ لَيْثٍ، رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسیدا: سسیاف یغ ممینا مسجد کران اللہ نسجای اللہ اکن ممینا باکین ددالم شرک (بینان) ساومقامن. { رواه الإمام مسلم }

اد فون مسجد یغ دینا ایت تیدقلہ مغیرا اف جوا بنتوق بینانن سمد بسر اتو کجیل سموان اکن مندافہ کنجارن درقد اللہ سبحانہ وتعالی.

تله دسبوتکن اولہ العَلَامَةُ نُورُ الدِّينِ عَلِيُّ الْأَجْهَرِيُّ ددالم کتاب بلیاو فَضْلُ إِنْشَاءِ الْمَسَاجِدِ وَعِمَارَتِهَا، حدیث رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم یغ برمقصود: " بهو مسجد ۲ دنیا ایت اکن دباوا کدالم شرک، فقلولا ۲ دان فحاک ۲ مسجد ۲، بلال ۲ دان امام ۲ برأرق مناریق مسجد ۲ ایت دان اهل جماعه مسجد ۲ ایت مغریغکن قرأرقن ایت. کتیک ایت اد اورغ برتان: " سیاف ایت؟ ملاکة ۲ اتو نی ۲ کہ؟ " کمدین دبیری تاهو بهو ایت بوکنلہ ملاکة ۲ دان بوکن جوک نی ۲، هان فقاوسها ۲ مسجد ۲ دان اورغ ۲ یغ سمیغ ددالم مسجد ایت ".

بکیتولہ کنجارن سرت بالنسن یغ دفرأولیہی اولہ مریک یغ میاھوت سروان اللہ سبحانہ وتعالی.

میغ تیدق دنافیکن، فربلنجان انتوق ممینا مسجد ایت بوکنن مورہ دان تیدق سموا یغ برکمقوان. اکن تنافی باکی یغ تیدق برکمقوان انتوق ممینا سبواہ مسجد، ماسیہ برفلواغ مراویہ کلیہن دان مندافہ کنجارن فہلا ممینا مسجد، یایت دغن مغھولورکن درما کفد تابوغ ۲ فمیینان مسجد. دغن سومباغن درما ترسبوت، والوفون سدیکیت ان شاء اللہ کیت جوک مندافہ کلیہن دان کنجارن فہلا یغ دجنجیکن.

Berangkat ke Majlis Santapan Pertabalan Sultan Perak

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali
dari Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

Dari muka 1

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung berangkat bersama DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan DYMM Tuanku Zara Salim, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak, Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda ke Bilik Kuning bagi menyertai Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu; Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri; Tuan-Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri-Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan; Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri; Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan isteri serta para jemputan diraja yang lain.

Sejurus itu, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat beredat bersama-sama DYMM Sultan Perak dan DYMM Raja Permaisuri Perak serta jemputan diraja yang lain bagi sesi bergambar ramai dan seterusnya berkenan berangkat beredat bersama-sama DYMM Sultan Perak dan DYMM Raja Permaisuri Perak serta jemputan diraja bagi Majlis Santapan Diraja.

Majlis Santapan Diraja Kebangsaan Malaysia.

Bagi memberkati Majlis Santapan Diraja bacaan doa selamat dibaca oleh Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Muhammad Afifi Al-Akti.

Majlis Santapan Diraja tersebut adalah susulan daripada beberapa Majlis Istiadat sempena Istiadat Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak Ke-35 yang berlangsung sejak 6 Mei yang lalu.

Selesai Majlis Santapan Diraja, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat meninggalkan majlis.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Majlis Santapan Diraja tersebut ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Sultan Perak Ke-35 adalah sebagai menggantikan ayahandanya, Sultan Azlan Muhibuddin Shah yang mangkat kira-kira setahun lepas.

Pertabalan baginda menerima reaksi positif rakyat Perak khususnya, yang sememangnya mengenali Sultan Nazrin sebagai raja yang berkaliber dan berhemah tinggi.

Baginda juga memiliki Ph.D dari Universiti Harvard, tetapi baginda disifatkan sebagai cendekiawan yang sering memberikan buah fikiran dan pendapat bernas dalam pembangunan negeri dan negara.

Prihatin dan rendah diri baginda bukan lagi satu wajah asing dalam kalangan rakyat jelata apabila sering muncul di kampung-kampung, malah baginda juga sering melawat perkampungan Orang Asli. Baginda juga tidak segan silu untuk turun padang membantu apabila ada bencana melanda rakyat. Sifat keprihatinan baginda itu juga membuatkan baginda disanjung rakyat jelata.

Baginda juga antara raja yang sering mendapat perhatian, namun baginda tidak gemar mendedahkan kehidupan peribadinya kepada umum. Perkahwinannya dengan Tuanku Zara Salim pada tahun 2007, dilangsungkan serba sederhana. Bahkan baginda juga mahukan upacara pertabalan baginda tidak diraikan secara berlebihan.

Baginda bertemu jodoh dengan Zara binti Salim Davidson pada 17 Mei 2007 selepas berkenalan selama lapan tahun. Baginda berusia 51 tahun manakala Zara Salim berusia 34 tahun. Istiadat perkahwinan baginda berdua diadakan di Istana Iskandariah Bukit Chandana Kuala Kangsar. Zara Salim telah diisytiharkan sebagai DYTM Raja Puan Besar Perak oleh Sultan Perak dan dikurniakan Darjah Kerabat Sultan Azlan (DKSA). Perkahwinan baginda berdua setakat ini dikurniakan dua orang cahaya mata. Putera pertama baginda yang dilahirkan pada 2008 diberi nama Yang Mulia Raja Azlan Muzaffar Shah ibni Raja Dr. Nazrin Shah manakala puteri baginda yang dilahirkan pada 2011 diberi nama Yang Mulia Raja Nazira Safya Shah binti Raja Dr. Nazrin Shah.

Raja Nazrin pernah berkhidmat dengan PETRONAS di bahagian pengurusan korporat bermula



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat beredat bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak serta jemputan diraja yang lain bagi sesi bergambar ramai.

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Sultan Perak dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan.



TURUT berangkat ialah paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah (bawah)



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri semasa berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan.

tahun 1979 hingga 1982. Baginda diberi gelaran Raja Kecil Besar Perak oleh ayahanda baginda pada 16 Februari 1984.

Setelah kemangkatan Raja Muda Perak, Raja Ahmad Saifuddin Sultan Iskandar, maka Raja Dr. Nazrin telah dinaikkan ke jawatan Raja Muda Perak pada tahun 1987. Baginda pertama kali menjadi Pemangku Raja Perak adalah pada tahun 1989 apabila ayahanda baginda menaiki takhta persekutuan sebagai Yang Di-Pertuan Agong Ke-9. Kini, baginda sekali lagi bergelar Pemangku Raja apabila ayahanda baginda gering.

Raja Dr. Nazrin merupakan seorang yang dihormati dalam pelbagai bidang. Baginda merupakan Pro Cancellor Universiti Malaya bermula tahun 1989. Keprihatinan baginda terhadap bidang pelajaran amat terserlah. Baginda juga merupakan Pengerusi Yayasan Hoki Malaysia bermula tahun 1992 hingga 2005.

Baginda juga merupakan Presiden Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan sering berangkat ke majlis keagamaan di dalam negeri. Baginda juga menjawat jawatan sebagai Lembaga Gabenor Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) semenjak tahun 2005.

Raja Dr. Nazrin dianugerahkan Ijazah Sarjana Kehormat Pengurusan Bisnes dari Cranfield Institute of Technology, United Kingdom pada tahun 1993. Pada tahun 1999 pula, baginda dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Ekonomi daripada Universiti Soka, Jepun.

KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbuai mesra bersama DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak dan DYMM Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak di Bilik Kuning (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menerima junjung ziarah daripada DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak dan DYMM Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak serta anakanda-anakanda Sultan Perak.





**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BAHAGIAN 1

DOKUMEN TAWARAN

JP/T4/2015-2016

**PEMELIHARAAN LANSKAP
KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN
TANAH-TANAH JABATAN PELABUHAN
@ KONTRAK PENGAL 2 TAHUN
2015-2017**

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat yang bersesuaian yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. (JADUAL HAD KEWANGAN KERJA KELAS II & III SAHAJA & MEMPUNYAI JADUAL KATEGORI KERJA YANG BERKAITAN)

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di :-
**UNIT TAWARAN & SEBUT HARGA
TINGKAT 2 BANGUNAN IBU PEJABAT
JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN
MUARA BT 1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**PADA HARI ISNIN HINGGA KHAMIS -
8.00 Pagi HINGGA 11.00 Pagi & 1.30 Petang
HINGGA 2.30 Petang DAN HARI SABTU -
8.00 Pagi HINGGA 10.00 Pagi.**

Dokumen tawaran dijual dengan harga **Ringgit Brunei Sepuluh (BND10.00) tunai** tidak dikembalikan & dokumen hanya dapat diperolehi / dikeluarkan sehingga **HARI SELASA, 19 MEI 2015.**

**SYARAT-SYARAT, MASA & TEMPAT
MENGHANTAR DOKUMEN TAWARAN**

3. Dokumen tawaran mestilah disimpan dalam sampul surat yang tertutup rapi, tanpa membubuh atau menulis nama syarikat dan juga logo syarikat :-

a) **"JP/T4/2015-2016 - PEMELIHARAAN LANSKAP KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN TANAH-TANAH JABATAN PELABUHAN @ KONTRAK PENGAL 2 TAHUN 2015-2017"** tajuk tawaran perlulah tercatat jelas di sebelah depan sampul bahagian atas.

b) Sampul tertutup tidak perlu mempunyai nama syarikat atau pun logo.

c) Sampul perlu ditujukan kepada alamat berikut :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK)
TINGKAT 4
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

4. Satu SESI TAKLIMAT & LAWATAN bagi penender yang berminat akan diadakan pada **HARI RABU, 20 MEI 2015, JAM 9.00 PAGI BERTEMPAT DI IBU PEJABAT, JABATAN PELABUHAN.**

Kehadiran penender adalah dimestikan dan merupakan kriteria yang mandatori di dalam penilaian tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR
TAWARAN
SELASA, 26 MEI 2015, 2.00 PETANG**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG- PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS 'II' DI BAWAH
KATEGORI P06 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
19 MEI 2015 (SELASA)
TARIKH TUTUP PADA :
HARI SELASA**

**PADA : 2 JUN 2015 (SELASA)
HINGGA JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DOD/5/2015**

**KOMPLEKS BANGUNAN BARU
IBU PEJABAT POLIS GADONG -
CURTAINS AND BLINDS
NO PROJEK : JKR/DOD/BPP/
VOTE : 930-011**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*)

dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

KURSUS PENDEK KECANTIKAN

DIMAKLUMKAN bahawa kursus-kursus pendek kecantikan kini dibukakan kepada orang ramai yang berminat.

Antara kursus-kursus yang ditawarkan :-

- * SOLEKAN ASAS
- * BASIC FACIAL
- * SOLEKAN PENGANTIN
- * FACE PAINTING
- * PEDICURE & MANICURE
- * UKIRAN HENNA

INFO 1

Bagi Kursus :
* SOLEKAN ASAS
* BASIC FACIAL

Menghantar borang & membuat pembayaran terus bagi siapa yang berminat tidak **14 Mei 2015.**

INFO 2

- Bagi Kursus :
- * SOLEKAN PENGANTIN
- * FACE PAINTING
- * PEDICURE & MANICURE
- * UKIRAN HENNA

Nota : Tiada pembayaran perlu dibuat pada masa ini dan Tarikh tutup menghantar borang tidak lewat 28 Mei 2015

**Jika berminat, sila ambil borang bertempat :
BAHAGIAN PENDIDIKAN KOMUNITI
Spg 347, Jalan Pasar Baharu Gadong
Institut Pendidikan Teknikal Brunei
Kementerian Pendidikan**

**Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi :
Dayang Nurul Ain binti Haji Dali di talian 2422493 sambungan 208**



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : AUD/PKB/Q&T/2015/03

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas II atau III, Kategori 2 dan / atau 4 (a) untuk :

**KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN TINGKAT 2 DAN TINGKAT 4, BLOK 'A'
BANGUNAN BAHIRAH**

2. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada :

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam.
(Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri).**

**tidak lewat dari hari Selasa, 19 Mei 2015,
jam 2.00 Petang.**

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

4. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di perenggan / paragraf 2 dengan menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

5. Dokumen tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Fasiliti Bangunan (PKB), Jabatan Audit di Tingkat 6, Blok B, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat dibuka sehingga hari **Isnin, 18 Mei 2015.**

6. Yuran tawaran (*tender fee*) sebanyak BND50.00 tunai adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayarannya hendaklah dibuat di Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Fasiliti Bangunan (PKB), Jabatan Audit di Tingkat 6, Blok B, Bangunan Bahirah dengan menghadapkan Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan dan Sijil (asal) Pendaftaran Pemborong yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.

7. Dokumen tawaran akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan resit bayaran yuran tawaran, Sijil Pendaftaran Syarikat, Sijil (asal) Pendaftaran di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori yang ditetapkan dan salinan sijil-sijil pendaftaran tersebut kepada Unit Kontrak Pembinaan, Jabatan Audit.

8. Tawaran yang dihadapkan mesti sah bagi tempoh sekurang-kurangnya 120 hari selepas tarikh tutup tawaran.

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.


INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI

Our National Engineering and Technology University

Institut Teknologi Brunei sukacita mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah bagi mengisikan jawatan kosong di Institut Teknologi Brunei.

JAWATAN:
KADAR GAJI SEHARI:
KEKOSONGAN:

PEKERJA TINGKAT II BERGAJI HARI
\$25.80 - \$27.20 SEHARI
2 ORANG

SYARAT-SYARAT AM:

- Pemohon terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Berumur 18 tahun hingga 25 tahun
- (i) Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit empat (4) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya gred D7 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

ATAU

- (ii) Mempunyai kelulusan diperingkat NTC2 / LCCI Level 2.
- Mempunyai Sijil Menaip dan Trengkas atau Sijil Penggunaan Komputer adalah diberi keutamaan.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan satu keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Membantu dalam hal-hal pentadbiran seperti menaip persuratan / memorandum, kertas kerja mesyuarat / seminar / bengkel / persidangan, dokumen sebutharga / tawaran, membuat urusan failing dan fotokopi.
- Membantu dalam urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada orang ramai.
- Bersedia menerima apa jua tugas dan arahan pegawai atasan dari semasa ke semasa.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Permohonan yang lengkap diisi beserta dengan kurikulum vitae (C.V) dan salinan sijil pencapaian akademik hendaklah dihantar kepada:

Yang Mulia
Pendaftar dan Setiausaha
Institut Teknologi Brunei
Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410
BRUNEI DARUSSALAM

Borang permohonan boleh didapati di **Bilik 1F.32, Pejabat Am, Tingkat 1, Institut Teknologi Brunei** atau melayari laman web **www.itb.edu.bn**

Tarikh tutup bagi menghantar permohonan ialah pada hari **3 Jun 2015**.

Rujukan Iklan: ITB/IKLAN/Jawatan Bergaji Hari/SS/S1.6.6/2015

Hanya pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi dan dimaklumkan mengenai proses temuduga.


YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memenuhi jawatan kosong di dalam perkhidmatan di **YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**.

A. PEGAWAI YAYASAN

Syarat-Syarat :

- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian. Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau mempunyai kelulusan dalam bidang kebajikan dan pembangunan sosial akan mempunyai kelebihan.
- Mempunyai tiga (3) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang bersesuaian. Pemohon yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan kerja-kerja kebajikan dan pembangunan sosial akan mempunyai kelebihan.

B. PENOLONG PENGURUS HARTANAH (TEKNIKAL)

Syarat-Syarat :

- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda. Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau mempunyai kelulusan dalam bidang Kejuruteraan, Pengurusan Hartanah atau lain-lain kelulusan dalam bidang yang bersesuaian akan mempunyai kelebihan.
- Mempunyai tiga (3) tahun pengalaman kerja yang berkaitan. Pemohon yang mempunyai pengalaman kerja dalam pengurusan projek dan pengurusan kerja-kerja teknikal akan mempunyai kelebihan.

ATAU

Mempunyai kelulusan HND atau yang kelulusan yang setanding serta mempunyai lima (5) tahun pengalaman kerja yang berkaitan. Pemohon yang mempunyai kelulusan dan pengalaman kerja dalam bidang seperti Kejuruteraan, Pengurusan Hartanah

atau lain-lain bidang yang bersesuaian akan mempunyai kelebihan.

**C. KERANI - (1) BAHAGIAN KEWANGAN
(2) BAHAGIAN PERKEMBANGAN TENAGA MANUSIA**

Syarat-Syarat :

- Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya kepujian 4 'O' Level. Bagi jawatan C1, kepujian 'O' level termasuk matapelajaran Akaun.
- Mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian. Bagi jawatan C1, pemohon yang mempunyai pengalaman dan bidang kerja perakaunan akan mempunyai kelebihan. Bagi jawatan C2, pemohon yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang Pentadbiran, Pengurusan, "Human Resources" atau kerja-kerja dalam menguruskan pas kerja pekerja asing akan mempunyai kelebihan.

Bagi jawatan A & B, pemohon-pemohon hendaklah mengemukakan surat permohonan secara bertulis. Bagi jawatan C1 & C2, borang permohonan boleh dimuat turun dalam laman web Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di **www.yshhb.org.bn**. Borang juga boleh didapati di Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Permohonan-permohonan hendaklah ditujukan ke alamat di bawah dengan menyertakan salinan kad pengenalan, sijil-sijil kelulusan serta dokumen-dokumen yang berkenaan :-

Unit Pengambilan
Bahagian Perkembangan Tenaga Manusia
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Jalan Kumbang Pasang
Gadong BA 1511
Negara Brunei Darussalam

ATAU
e-melkan kepada :
recruitment@yshhb.org.bn

Tarikh tutup adalah pada hari Jumaat,
15 Mei 2015.


**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
BAHAGIAN 1
DOKUMEN TAWARAN

JP/T4/2015-2016

PEMELIHARAAN LANSKAP

KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN
TANAH-TANAH JABATAN PELABUHAN
@ KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN
2015-2017

- TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat yang bersesuaian yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(JADUAL HAD KEWANGAN KERJA KELAS II & III SAHAJA & MEMPUNYAI JADUAL KATEGORI KERJA YANG BERKAITAN)**
- Dokumen tawaran boleh diperolehi di :-
UNIT TAWARAN & SEBUT HARGA
TINGKAT 2 BANGUNAN IBU PEJABAT
JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN
MUARA BT 1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PADA HARI ISNIN HINGGA KHAMIS -
8.00 Pagi HINGGA 11.00 Pagi & 1.30 Petang
HINGGA 2.30 Petang DAN HARI SABTU -
8.00 Pagi HINGGA 10.00 Pagi.

Dokumen tawaran dijual dengan harga **Ringgit Brunei Sepuluh (BND10.00) tunai** tidak dikembalikan & dokumen hanya dapat diperolehi / dikeluarkan sehingga **HARI SELASA,**
19 MEI 2015.

SYARAT-SYARAT, MASA & TEMPAT
MENGHANTAR DOKUMEN TAWARAN

- Dokumen tawaran mestilah disimpan dalam sampul surat yang tertutup rapi, tanpa membubuh atau menulis nama syarikat dan juga logo syarikat :-
a) **“JP/T4/2015-2016 - PEMELIHARAAN LANSKAP KAWASAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN TANAH-TANAH JABATAN PELABUHAN @ KONTRAK PENGGAL 2 TAHUN 2015-2017”** tajuk tawaran perlulah tercatat jelas di sebelah depan sampul bahagian atas.

- Sampul tertutup tidak perlu mempunyai nama syarikat atau pun logo.
- Sampul perlu ditujukan kepada alamat berikut :

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK)
TINGKAT 4
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- Satu SESI TAKLIMAT & LAWATAN bagi penender yang berminat akan diadakan pada **HARI RABU, 20 MEI 2015, JAM 9.00 PAGI BERTEMPAT DI IBU PEJABAT, JABATAN PELABUHAN.**

Kehadiran penender adalah dimestikan dan merupakan kriteria yang mandatori di dalam penilaian tawaran.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

TARIKH TUTUP MENGHANTAR
TAWARAN
SELASA, 26 MEI 2015, 2.00 PETANG


DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG
DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG
SURAT KUASA PUSAKA NO. T/LA/11/2015

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SAMBILAN BIN OTHMAN** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pesaka yang dipunyai oleh **JAYAH BINTI KASSIM @ JERIAH** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah TUTONG pada **30 Mei 2015 pada jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam Harta Pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris **TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 7 Mei 2015

DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU
B/p Timbalan Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :-

**JAWATAN : JURUTERA KERJA
TANGGA GAJI : B.3
(\$3,880.00 - \$4,240.00)
KEKOSONGAN : 1 ORANG
JABATAN : UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam atau Kejuruteraan Mekanikal atau Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Struktur yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Sedang berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam sebagai Jurutera dalam tangga gaji

B.2 EB.3 / B.2 tidak kurang dari lima (5) tahun.

ATAU

- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Jurutera atau jawatan berkaitan dalam bidang kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Mekanikal atau Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Struktur dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari enam (6) tahun.
- Menjadi ahli Institution of Civil Engineers United Kingdom (MICE) / Institution of Mechanical Engineering (MIEng) dari Institusi-Institusi Professional yang diiktiraf adalah kelebihan.
- Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Memenuhi syarat-syarat lain yang berkuatkuasa pada masa ini.
- Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- Membantu Ketua Estet dalam pentadbiran,

perancangan, pengurusan dan pemeliharaan bangunan-bangunan.

b. Membuat reka bentuk bangunan, dokumen tawaran, menawarkan, mengendalikan dan memantau projek-projek *departmental* dan *development* Universiti Brunei Darussalam dari peringkat awal *sketch design, preliminary, working drawing* hingga ke peringkat penawaran dan pelaksanaan.

c. Memahami pentadbiran kontrak dan memastikan projek yang di bawah jagaan berjalan dengan teratur dari segi kontrak dan pentadbirannya seperti:-

- Memproses perubahan pesanan, iaitu *variation order*
- Lanjutan masa *extension of time*
- Memastikan pembayaran kepada konsultan, kemajuan kerja dan lain-lain.
- Membuat peraturan dan perancangan yang berkesan serta penyeliaan bagi semua kerja pemeliharaan, rawatan baikpulih dan kerja-kerja pemeliharaan berjadual.
- Bertanggungjawab dalam membuat perhubungan dwengan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain mengenai perkembangan pembangunan dan perancangan.
- Lain-lain tugas seperti yang diatitkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti

Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah diisikan dengan lengkap beserta dengan salinan siji-siji dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada hari **Sabtu, 6 Jun 2015** ke alamat berikut :

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK, GADONG
BE1410,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(UP : BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut :

- 1) SATU LAPORAN SULIT
- 2) SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG- KURANGNYA SANGAT BAIK)
- 3) SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG TELAH DIKEMASKINIKAN.

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA Application Requirements For Site Staff Building and Maintenance Section, Ministry of Religious Affairs

MINISTRY of Religious Affairs (MORA) is inviting suitably qualified candidates advantages citizen of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam to apply for employment in various field as a Site Staff. Candidates pursued will be those with exacting key competencies and behaviors and able to meet the challenges in MORA's performance culture. MORA career opportunities exist in a number of areas of professional expertise and roles :

1. **Mechanical & Electrical Engineer** (Salary Scale - **BS1,975.00 -BS3,640.00 (B2 - B3)** - Candidates must possess at least a Degree in Mechanical & Electrical Engineering of equivalent from accredited universities. Having other qualifications, accreditations and good field experience is an advantage.

2. **Draughtsman (Building / Structure / Electrical) (Salary Scale - BS1,200.00 - BS1,410.00 (D5 - D6)** - Candidates must possess at least a Diploma in Draftsmanship (Building/Structure / Electrical) or equivalent from accredited colleges. A minimum of three (3) years field experience. Having other qualifications and accreditations is an advantage.

The key competencies and behaviour required :

1. Able to work with minimal supervision

2. Enthusiastic and performance - oriented
3. Highly discreet with confidential information
4. Excellent analytical skills and detail conscious
5. Ability to contribute ideas and demonstrates initiative and flexibility
6. Able to operate effectively in a team, contributing positively to team operations and working relationship
7. Work well under pressure
8. Meeting strict deadlines
9. Most possess a good language proficiency (writing & verbal).
10. Negotiation Skills.

11. Having prior work experience would be an added advantage. Successful candidates will be appointed initially on a three (3) years term contract basis. Renewal will be subject to mutual agreement. The applicants are requested to furnish details of their qualification and experience and recent photograph (non-returnable) along with their applications form.

Application form is obtainable from :

* Ministry of Religious Affairs Official Website www.kheu.gov.bn.

* Recruitment Secretariat, Level 3, Ministry of Religious Affairs, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.

* Recruitment Secretariat, Building and Maintenance Section, Ministry of Religious Affairs, Block A, Bangunan Perdagangan BaitulMal, Jalan Kota Batu BD1517, Negara Brunei Darussalam.

The post applied for shall be clearly marked on the envelope and addressed to :

**UNIT PENTADBIRAN
BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
Block A, Bangunan Perdagangan BaitulMal,
Jalan Kota Batu BD1517
Negara Brunei Darussalam.**

Completed application form must be returned to the above address **not later than SATURDAY, 13th JUNE 2015M, 4.30 Pm**

Note : Only shortlisted candidates will be notified for interview.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN 'TENDER NOTICE'

**BILANGAN TAWARAN / TAWARAN
REFERENCE : 01/2015/KKBS/PPB/03
(RE-TENDER)**

**TAJUK TAWARAN / TENDER TITLE :
KONTRAK PENGGAL 12 BULAN BAGI PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN BAHAN-BAHAN LATIHAN PRAKTIKAL BAGI KURSUS KEMAHIRAN PASTRI DAN KONFEKSIONARI (PROGRAM JANGKA PANJANG DAN PROGRAM JANGKA PENDEK)
DI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
JALAN UTAMA TANAH JAMBU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat / pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Syarikat-syarikat / pemborong yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah

untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

4. Yuran Tawaran adalah **BND10.00 sahaja dan tidak akan dikembalikan** kepada setiap syarikat / pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide tender*).

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1, Ruang Masuk /**

**Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110
Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Rabu,
5 Mei 2015.**

7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 4 Mei 2015, jam 4.00 Petang.**

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. **Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan. Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisikan dengan lengkap dan penuh. Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.**

10. Syarikat / Pemborong adalah **DISARANKAN** membuat lawatan ke **Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam** pada hari dan waktu bekerja bagi mengenal pasti keperluan tawaran dan lokasi pembekalan.

11. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Latihan ditalian **2393681 sambungan 717** atau Pengajar Teknik ditalian **2393681 sambungan 741**, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

12. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dan Sijil-Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

13. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 7).

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



KEMENTERIAN KESIHATAN

TAWARAN MEMBUAT [MENERBIT] MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
MOE/LTK/34/2015/2016 (JPK-MEI-2015)	TAWARAN PROJEK USAHA SAMA MEMBUAT [MENERBIT], MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKEJ BUKU TEKS BAHASA MELAYU TAHUN 9, TAHUN 10 DAN TAHUN 11 DAN BUKU PANDUAN GURU BAHASA MELAYU TAHUN 9, TAHUN 10 DAN TAHUN 11 KE SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.	\$100.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]	02/06/2015 [Tidak lewat jam 2.00 petang]
MOE/LTK/35/2015/2016 (JPK-MEI-2015)	TAWARAN PROJEK USAHA SAMA MEMBUAT [MENERBIT], MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKEJ BUKU TEKS MELAYU ISLAM BERAJA TAHUN 9, TAHUN 10 DAN TAHUN 11 DAN BUKU PANDUAN GURU MELAYU ISLAM BERAJA TAHUN 9, TAHUN 10 DAN TAHUN 11 KE SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.	\$50.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]	02/06/2015 [Tidak lewat jam 2.00 petang]
1. TARIKH TAKLIMAT KEPADA PENENDER-PENENDER : 20HB MEI 2015			
2. TARIKH AKHIR MENGAMBIL / MEMBELI DOKUMEN TAWARAN : 20HB MEI 2015			

UPGRADING AND GENERAL REPAIRWORKS

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
MOE/LTK/36/2015/2016 (JPPE-MEI-2015)	UPGRADING AND GENERAL REPAIRWORKS TO FLAT CLASS E JKR 155, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. KELAS : III DAN IV SAHAJA KATEGORI : B01 SAHAJA	\$50.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]	26/05/2015 [Tidak lewat jam 2.00 petang]
TARIKH AKHIR MENGAMBIL / MEMBELI DOKUMEN TAWARAN : 23HB MEI 2015			

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN

ISNIN HINGGA KHAMIS :
8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU :
8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI

SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bagi bilangan Tawaran MOE/LTK/34/2015/2016 [JPPE-MEI-2015] dibuka untuk syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dari Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran Yuran Tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua Yuran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).

3. Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap Penender hendaklah membayar Yuran Tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam Sila pastikan Resit Pembayaran Yuran Tawaran yang diterima adalah betul.

HARI DAN WAKTU PEMBAYARAN ISNIN HINGGA KHAMIS
8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI

5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian

Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan indentiti Penender dan ditujukan kepada :-

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BLOK 'A' TINGKAT 1
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN 'A'
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A', Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Tawaran yang paling rendah atau sebarang Tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap Tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan Tawaran atau kontrak setelah kebenaran Tawaran diperolehi atau setelah tutup Tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.


JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam **Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSU, Tingkat Bawah**, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang, pada hari Selasa, 26 Mei 2015.

JPt/TAW/19(A)/2014-2015 :
BIO INNOVATION CORRIDOR ZONE
A (AGROTECHNOLOGY PARK)
LANDSCAPE MAINTENANCE
(Yuran Tawaran BND50.00)

JPt/TAW/01/2015-2016 :
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN
KAWASAN STESEN PENYELIDIKAN
PERTANIAN BIRAU, TUTONG
(Yuran Tawaran BND30.00)

JPt/TAW/02/2015-2016 :
MEMBEKAL RACUN RUMPAI 41%
GLYPHOSATE ISOPROPYLAMINE
SEBANYAK 32,000 LITER UNTUK
KEGUNAAN PENGUSAHA-PENGUSAHA
TANAMAN PADI
(Yuran Tawaran BND30.00)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan

Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

8. The Contractor / Company should be registered with Department of Agriculture and Agrifood and the Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam holding a registration certificate for **Class IV category KPB12. (JPt/TAW/19(A)/2014-2015)**

9. Tawaran ini dibukakan kepada Syarikat Swasta dan Pemborong yang berdaftar dengan Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Bahagian Pendaftaran Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam dalam kelas III dan Kategori 4(c) dan 5(f). (Sila sertakan salinan holding a registration certificate for **Class IV category KPB12. (JPt/TAW/01/2015-2016).**

10. Semua Penender dan / atau wakilnya hendaklah **dimestikan** hadir untuk mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai tawaran di atas pada **20 Mei 2015 (hari Rabu) jam 2.00 Petang** (Bilik Suria) di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir di atas seperti berikut :-

11. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir pada **20 Mei 2015 (hari Rabu) jam 2.00 Petang.**

12. Tawaran-tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman web Jabatan Pertanian seperti berikut :-

<http://www.agriculture.gov.bn>


BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : (14) BKN(A)/PENT/69 PT.3

TAWARAN BAGI :
“REPAIR AND REPAINTING TO 6 UNITS FLAT F2
AT PUSAT AL-ISLAH KUPANG
NARCOTICS CONTROL BUREAU
BRUNEI DARUSSALAM.”

TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong berdaftar dengan Kementerian Pembangunan kelas II & III untuk melaksanakan kerja kerja “REPAIR AND REPAINTING TO 6 UNIT FLAT F2 AT PUSAT AL-ISLAH KUPANG, NARCOTICS CONTROL BUREAU, BRUNEI DARUSSALAM.”

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri tidak lewat jam **2.00 Petang pada hari Selasa, 20 Mei 2015.**

2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut di atas tidak akan dilayan.

3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.

4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi setelah bayaran harga Dokumen Tawaran berjumlah **BND30.00 (tidak dikembalikan)** dibuat di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 1, Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tungku Gadong BE2110, Negara Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja, iaitu hari **Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang sahaja dan Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi sahaja.**

5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

6. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup ditulis bilangan dan nama tawaran berkenaan, tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada :

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
LEVEL 1, BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

NOTIS TAWARAN

JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Adat Istiadat Negara, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat 2.00 Petang hari Selasa, 19 Mei 2015 bagi :**

"MEMBERSIHKAN BANGUNAN LAPAU, DEWAN PERSANTAPAN LAPAU, TANDAS-TANDAS DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN DAN JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELAMA 2 TAHUN 2016 - 2017".

Butir-butir lanjut bolehlah didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara pada bila-bila masa waktu bekerja.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat mestilah ditanda dengan perkataan "MEMBERSIHKAN BANGUNAN LAPAU, DEWAN PERSANTAPAN LAPAU, TANDAS-TANDAS DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN DAN JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELAMA 2 TAHUN 2016-2017" Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada : -

Pengerusi

Jawatankuasa Sebut Harga

Jabatan Adat Istiadat Negara

Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam.

Salinan Sijil Pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pintar atau nombor pasport pemilik.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Quotation for Supplying of Auto Level
TrolleyRujukan Tawaran:
POS/T/07/JPP/2015-2016

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat Tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang ringgit Brunei.

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :-

Bahagian Kewangan

Tingkat 1, Pejabat Besar Pos

Bandar Seri Begawan BS8611

Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. **Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.**

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :-

Quotation for Supplying of Auto Level
TrolleyRujukan Tawaran :
POS/T/07/JPP/2015-2016

Dialamatkan kepada :-

PETI SEBUT HARGA

Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agong

Pejabat Besar Pos

Bandar Seri Begawan BS8611

Negara Brunei Darussalam.

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Selasa, 12 Mei 2015, Jam 2.00 Petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga dan menyertakan :-

a. Salinan lesen rampaian yang sah

b. Salinan sijil pendaftaran perniagaan 16 & 17.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Supply, Delivery, Installation, Testing &
Commissioning of CCTV System For The Postal
Services Department Negara Brunei DarussalamRujukan Tawaran:
POS/T/08/JPP/2015-2016

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat Tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang ringgit Brunei.

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :-

Bahagian Kewangan

Tingkat 1, Pejabat Besar Pos

Bandar Seri Begawan BS8611

Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. **Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.**

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :-

Supply, Delivery, Installation, Testing &
Commissioning of CCTV System For The Postal
Services Department Negara Brunei DarussalamRujukan Tawaran :
POS/T/08/JPP/2015-2016

Dialamatkan kepada :-

PETI SEBUT HARGA

Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agong

Pejabat Besar Pos

Bandar Seri Begawan BS8611

Negara Brunei Darussalam.

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Selasa, 19 Mei 2015, Jam 2.00 Petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga dan menyertakan :-

a. Salinan lesen rampaian yang sah

b. Salinan sijil pendaftaran perniagaan 16 & 17.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGANJUALAN TAWARAN AWAM 75 UNIT
PERALATAN PEJABAT PUSAT
MEMPROSES MEL & BUNGKUSAN
LAPANGAN TERBANG LAMA SECARA
TERTUTUPRujukan Tawaran :
POS/T/09/JPP/2014-2015

JUALAN lelong secara Tawaran Tertutup (Sebut Harga) bagi 75 Unit peralatan pejabat seperti dinyatakan di bawah ini secara berkelompok:

Bil. 1. Keternga : Peralatan Pejabat
Bilangan : 75 Unit
Harga Permulaan : BND100.00

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Peralatan Pejabat yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Penender adalah bertanggungjawab

untuk memeriksa dan meneliti keadaan Peralatan Pejabat yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran ini.

3. Syarikat-syarikat dan orang awam yang berminat dan berhajat untuk membuat tawaran bolehlah hadir untuk melihat Peralatan Pejabat tersebut pada **4 Mei 2015 hingga 13 Mei 2015 (tidak termasuk hari kelepasan awam) jam 8.00 Pagi - 11.30 Pagi dan 2.00 Petang - 4.00 Petang.**

4. Penender yang berminat hendaklah mendapatkan borang tawaran yang telah disediakan di Bahagian Kewangan, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan BS8611, negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan sila berhubung ditalian telefon 2383822 / 2380924.

5. Setiap satu borang tawaran mengandungi SATU (1) tawaran sahaja.

6. Caj borang tawaran dikenakan dengan harga **BND5.00 (tidak dikembalikan)**.

7. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke **peti tawaran, Tingkat 1 Pejabat Ketua Pos Agong, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan BS8611, Negara Brunei Darussalam** dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk **"JUALAN LELONG TAWARAN SECARA TERTUTUP 75 UNIT PERALATAN PEJABAT PUSAT MEMPROSES MEL & BUNGKUSAN LAPANGAN TERBANG LAMA BIL. RUJUKAN : KKW/ADM/JBT/36"** dan memasukkan kedalam peti tawaran yang telah disediakan.

8. Tarikh tutup tawaran adalah pada **(Hari Khamis 14 Mei 2015, jam 10.00 Pagi)** dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

9. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dengan **WANG TUNAI SAHAJA** dalam tempoh masa 2 (DUA) hari waktu bekerja selepas

dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskan maka tawaran ini dengan sendirinya dibatalkan.

10. Penender yang berjaya hendaklah **MEMINDAHKAN** kenderaan tersebut tidak lewat 7 (TUJUH) hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran dan pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.

11. Jika penender yang berjaya **GAGAL MEMINDAHKAN** kenderaan tersebut dalam tempoh 7 (TUJUH) hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran, kenderaan berkenaan akan menjadi **MILIK** Jabatan dan Jabatan berhak untuk melelong semula kenderaan berkenaan. Wang yang telah dijelaskan **TIDAK** akan dikembalikan.

Hanya penender yang berjaya sahaja akan dimaklumkan / pemberitahuan.



KLINIK PSC RECRUITMENT

Adakah awda memerlukan bantuan
untuk melengkapkan profil awda di
dalam PSC Recruitment?

Kami akan berada di:

Pejabat Daerah Temburong
Isnin & Selasa: 11 dan 12 Mei 2015

Lembaga Bandaran Tutong
Rabu & Khamis: 13 dan 14 Mei 2015

Pejabat Daerah Belait
Isnin & Selasa: 18 dan 19 Mei 2015

MASA: 9.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI
1.30 PETANG HINGGA 3.30 PETANG

Apa yang perlu awda bawa?

1. **Gambar berukuran pasport**
 2. **Kad Pengenalan**
 3. **Lesen Memandu**
 4. **Sijil-sijil Kelulusan berserta dengan Transkrip dan Surat Pengiktirafan MKPK**
 5. **Dokumen-dokumen Lain Yang Relevan**
- Semua Dokumen hendaklah dalam Salinan Asal
(Original)**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS
III, IV & V DI BAWAH KATEGORI M01
SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : 19 MEI 2015
(SELASA)**

**TARIKH TUTUP PADA :
HARI SELASA PADA : 2 JUN 2015
(SELASA), HINGGA JAM 2.00 PETANG**

**BIL : JKR/DME/15/BPB/2015
TERM CONTRACT FOR
AIR-CONDITIONING
MAINTENANCE WORKS DOR
GOVERNMENT BUILDING IN
KUMPULAN 11B AT TUTONG
DISTRICT FOR A PERIOD OF
TWO (2) YEARS
NO PROJEK : AM 013/15
JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS IV & V DI BAWAH
KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN : 6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT
DARI JAM 3.30 PETANG,
HARI SELASA, 19 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN : TIDAK
LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG,
HARI SELASA, 26 MEI 2015**

**BIL : JKR/DOR/SRC 10/2015
NAMA PROJEK: PEMBINAAN
JALAN PENGHUBUNG JERUDONG
-TUNGKU FASA II -KERJA-KERJA
PENSTABILAN CERUN DI KAWASAN
JALAN PENGIRAN MUDA
AL-MUHTADEE BILLAH
JUMLAH YURAN TAWARAN :**

**BND50.00(LIMA PULUH RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS II & III DI BAWAH
KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN : 6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT
DARI JAM 3.30 PETANG,
HARI SELASA, 19 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN : TIDAK
LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG,
HARI SELASA, 26 MEI 2015**

**BIL : JKR/DOR/SRC 11/2015
NAMA PROJEK: PEMBINAAN
JALAN PENGHUBUNG JERUDONG -
TUNGKU FASA II - PEMASANGAN
PAVEMENT REFLECTIVE MAKER
DAN KERJA-KERJA
MISCELLANEOUS**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND10.00(SEPULUH RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS III & IV DI BAWAH
KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN :
6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT
DARI JAM 3.30 PETANG,
HARI SELASA, 26 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN :TIDAK
LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG,
HARI SELASA, 2 JUN 2015**

**BIL : JKR/DOR/SRC 12/2015
NAMA PROJEK: MENAIKTARAF
JALAN KELUAR MASUK BAGI
SEKOLAH RENDAH SERASA**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (LIMA PULUH RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS IV & V DI BAWAH
KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN :
6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT
DARI JAM 3.30 PETANG,
HARI SELASA, 26 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN : TIDAK
LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG,
HARI SELASA, 2 JUN 2015**

**BIL : JKR/DOR/SRC 13/2015
NAMA PROJEK: PEMBINAAN
JALAN PENGHUBUNG DARIPADA
JALAN PG MUDA AL-MUHTADEE
BILLAH KE TG BUNUT / KATOK
JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND500.00 (LIMA RATUS RINGGIT
SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS III, IV & V DI BAWAH
KATEGORI KA01 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
19 MEI 2015 (SELASA)
TARIKH TUTUP PADA :
HARI SELASA PADA : 2 JUN 2015
(SELASA), HINGGA
JAM 2.00 PETANG**

**BIL : JKR/DTS/11/BKT/2015-T/IV
MENANGANI TANAH RUNTUH
DEKAT JALAN PENGHUBUNG
DIANTARA RADAR 'MSSR' DAN
TRANSMITTER KM 19.5 JALAN
LEBUH RAYA MUARA / TUTONG
NO PROJEK : JKR/BKT/KB/BM1281
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN**

**YURAN e-DOKUMEN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**BIL. SEBUT HARGA KETERANGAN
BIL. SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / 04 / 2015 - 2016
KETERANGAN : Membekal Dan
Menghantar Tambahan Buku-Buku Tekstual
Bagi Keperluan Ma'had Islam Brunei,
Tutong, Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1436H-1437H / 2015M - 2016M
BAYARAN DOKUMEN :
Tidak dikenakan sebarang Bayaran**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN
MAKLUMAT :**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar berdaftar dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat

dengan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang berhubungkait dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.

3. Borang Sebut harga bolehlah diperolehi di :-

**Bahagian Kewangan
Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tingkat 4, Blok 2 I
Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan, BA1311
Negara Brunei Darussalam.**

Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** serta **COP SYARIKAT** semasa mengambil Borang Sebut Harga tersebut.

4. Pemohon hendaklah menggunakan **BORANG ASAL** yang dikeluarkan oleh

Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

5. Setiap Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan di Cop Syarikat dengan menggunakan pen / dakwat berwarna **BIRU** sahaja.

6. Bagi syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berminat untuk mengikuti sebut harga ini hendaklah menyertakan dan menghadapkan **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN 16 & 17** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

7. Borang Sebut Harga serta salinan dan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dengan menulis, **TAJUK & BILANGAN SEBUT HARGA DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

8. Setiap satu Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Dan hendaklah dikembalikan dan dimasukkan kedalam **PETI SEBUT HARGA**

yang ditujukan kepada :-

PENGERUSI

**Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

**TARIKH TUTUP tidak lewat pada :-
Hari Rabu, 2 Sya'ban 1436H / 20 Mei
2015M, tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**10. TARIKH AKHIR MENGAMBIL
Borang Sebut harga adalah pada :-
Hari Khamis, 25 Rejab 1436H / 14 Mei
2015M, tidak lewat jam 4.00 Petang.**

11. Borang Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

12. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil Borang-Borang Sebut Harga :-

**HARI DAN MASA
ISNIN hingga KHAMIS; dan SABTU
8.00 Pagi 11.30 Pagi
2.00 Petang 4.00 Petang**

KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA (KPK)

1 APRIL 2015 - 31 MAC 2016



Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Jika ada sebarang pertanyaan,
 sila hubungi kami melalui:

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari:

Emel: info.statistics@jpke.gov.bn

Telefon: 2233344 ext 214

Laman sesawang: www.depd.gov.bn

Pasukan Kementerian Pendidikan pertahankan kejuaraan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Pasukan Kementerian Pendidikan berjaya mempertahankan kejuaraan apabila menewaskan Pasukan Kementerian Pertahanan pada Kejohanan Bola Jaring Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) Kali Ke-22.

Kementerian Pendidikan sebelum ini merupakan juara bertahan selama 19 tahun dalam PSKK sehingga pada PSKK tahun 2013, kejayaan mereka telah dirampas oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan pada PSKK tahun lalu telah berjaya menuntut semula kejayaan mereka.

Kejayaan Kementerian Pendidikan diperolehi sekalipun hanya dipisahkan dengan satu mata, iaitu 40 berbalas 39, pada perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pada suku pertama perlawanan, Kementerian Pertahanan menundukkan Kementerian Pendidikan dengan jaringan 14 - 11, seterusnya pada

suku kedua perlawanan Kementerian Pendidikan menang dengan jaringan 10 - 8.

Namun Pasukan Kementerian Pertahanan bangkit pada suku ketiga perlawanan dan berjaya mengalahkan Kementerian Pendidikan dengan jaringan 13 - 7 dan seterusnya meneruskan perlawanan mereka pada suku keempat perlawanan, tetapi tewas di tangan Kementerian Pendidikan dengan jaringan 12 - 4.

Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Kementerian Kesihatan yang menewaskan Pasukan Kementerian Pembangunan pada perlawanan penentuan tempat ketiga.

Pada perlawanan tersebut, Pasukan Kementerian Kesihatan menang selesa 51 berbalas 39 ke atas Kementerian Pembangunan.

Dalam suku pertama perlawanan, Pasukan Kementerian Kesihatan menewaskan Pasukan Kementerian Pembangunan dengan jaringan 15 - 10, pada suku kedua pula jaringan hanya berbeza satu mata, iaitu 13 - 12.

Pada suku ketiga perlawanan,

Kementerian Kesihatan masih berjaya menyekat Pasukan Kementerian Pembangunan dengan jaringan 11 - 6 dan pada suku keempat perlawanan Kementerian Pembangunan bangkit semula dengan jaringan 11 - 12 mengalahkan Kementerian Kesihatan akan tetapi menempatkan tempat ketiga bagi Pasukan Kementerian Kesihatan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin.

Sebanyak 12 buah pasukan dari kementerian-kementerian di negara ini menyertai Kejohanan Bola Jaring PSKK Kali Ke-22 Tahun 2015 ini.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka Dayang Hajah Aminah binti Momin menyampaikan pingat emas kepada salah seorang pemain Kementerian Pendidikan yang muncul juara pada sukan bola jaring dalam Pesta Sukan Kementerian-Kementerian 2015.

Pasukan KHEDN - Kementerian Pertahanan langkah ke final

Oleh : Abu Bakar
Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Pasukan Kementerian Pertahanan bakal berentap di Peringkat Akhir (final) Kejohanan Futsal Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) 2015 dalam Kategori Terbuka di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pada 8 Mei 2015.

Pasukan Kementerian Pertahanan melangkah ke final selepas menang tipis ke atas Pasukan Kementerian Kesihatan 1 - 0 melalui jaringan Md. Zairul Hazmin pada minit ke-17.

Manakala Pasukan KHEDN melayakkan diri ke peringkat akhir selepas menumpaskan Pasukan Kementerian Pendidikan dengan jaringan 4 - 3 setelah ditentukan melalui sepakan penalti setelah terikat 1 - 1.

Hasrat Pasukan Kementerian Kesihatan untuk beraksi di

peringkat akhir tetap akan tertunai apabila sebuah lagi pasukannya yang bermain dalam Kategori Veteran bakal berhadapan Pasukan Kementerian Pembangunan.

Dalam perlawanan separuh akhir Pasukan Kementerian Kesihatan berjaya menumpaskan Pasukan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dengan jaringan 2 - 1 dan Pasukan Kementerian Pembangunan menang tipis ke atas Pasukan Kementerian Perhubungan dengan jaringan 1 - 0.

Menduduki tempat ketiga bagi Kategori Terbuka dimenangi oleh Pasukan Kementerian Kesihatan selepas menundukkan Pasukan Kementerian Pendidikan dengan jaringan 5 - 4 dan tempat ketiga bagi Kategori Veteran dimenangi oleh Pasukan KPSSU selepas menang ke atas Pasukan Kementerian Perhubungan yang berkesudahan jaringan 2 - 1.

Kementerian Pendidikan juara keseluruhan Petanque PSKK



PEMANGKU Pengarah Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai acara Sukan Petanque.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mei. - Kementerian Pendidikan muncul juara keseluruhan acara Petanque pada Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) 2015 di Pusat Petanque, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pingat-pingat petang tadi ialah Pemangku Pengarah Perbekalan dan Stor Negara, Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof.

Juara keseluruhan merangkul lima pingat emas, tiga perak dan dua gangsa manakala naib juara keseluruhan disandang oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pula menduduki tempat ketiga.

Terdahulu sebelum itu, pada perlawanan akhir Petanque Kategori Berpasangan Lelaki (B2 dan Bebas) dan Berpasangan Perempuan (B2 dan Bebas), kedua-duanya dimenangi oleh Kementerian Pendidikan.

Manakala Kategori Lelaki Bertiga (B2 dan Bebas) dan Kategori Perempuan Bertiga (B2 dan Bebas) masing-masing disandang oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

PSKK 2015 dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan yang dikelolakan oleh Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Pembangunan juara tarik kalat PSKK 2015

Oleh : Abu Bakar
Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mei. - Pasukan Kementerian Pembangunan berjaya menjuarai Kejohanan Tarik Kalat Tradisional Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) 2015 bagi Kategori 'B' (berat), selepas menumpaskan pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) di Padang dan Balapan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pada tarikan pertama pasukan Kementerian Pembangunan berjaya menyelesaikan tarikan dengan masa 2.16 minit untuk mengutip 2.5 mata.

Pasukan KHEDN bangkit pada tarikan kedua namun hanya berhasil memperoleh 1.5 mata walaupun berjaya menguasai tarikan sehingga tempoh tiga minit pertandingan tamat.

Kemenangan tersebut secara langsung memberikan pingat emas kepada pasukan Kementerian Pembangunan dan pingat perak kepada pasukan KHEDN.

Tempat ketiga meraih pingat gangsa bersama oleh pasukan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perhubungan selepas keduanya

tumpas kepada pasukan finalis di peringkat separuh akhir.

Manakala itu, dalam Kategori 'A' (ringan), hasrat pasukan Kementerian Pembangunan untuk mendominasi kejohanan tidak kesampaian apabila tumpas kepada pasukan Kementerian Kesihatan.

Pasukan Kementerian Kesihatan yang tampil dengan penuh yakin diri membuat kejutan pada tarikan pertama dengan menamatkan tarikan dalam masa 36 saat untuk mengutip 3 mata.

Pada tarikan kedua pasukan Kementerian Pembangunan pula

bangkit untuk memberikan saingan dengan menamatkan tarikan dalam masa 37 saat sekali gus memungut 3 mata yang sama.

Pasukan Kementerian Pembangunan akhirnya akur apabila pada tarikan penentuan hanya mampu bertahan selama 35 saat untuk memberikan kemenangan kepada pasukan Kementerian Kesihatan.

Tempat ketiga sekali gus pemilik pingat gangsa jatuh kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan yang tumpas dalam peringkat separuh akhir.



ANTARA aksi sebahagian pasukan di peringkat akhir tarik kalat PSKK 2015.

Brunei DPMM FC menang 2 - 0



BERANGKAT menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah serta kerabat diraja lain.

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Jaringan leret kaki kanan Rafael Ramazotti pada minit ke-26 dan gol penalti oleh Paulo Sergio berhasil mengutip tiga mata buat pasukan Brunei DPMM FC dengan mengalahkan Tampines Rovers FC 2-0.

Gol Rafael pada separuh masa pertama tersebut dapat membangkitkan semangat kesebelasan Brunei DPMM FC apabila mereka tidak mempamerkan perlawanan yang menarik hampir 15 minit dari sepak mula.

Menyusul gol kedua pada minit

tambahan separuh masa pertama hasil tandangan penalti Paulo Sergio setelah pemain pertahanan Tampines Rovers melakukan kesalahan di kawasan terlarang, peluang itu tidak disia-siakan Paulo untuk Brunei DPMM FC mendahului 2 - 0 hingga tamat separuh masa pertama.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri

Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta kerabat diraja yang lain.

Bersambung pada masa kedua, kedua-dua pasukan silih berganti mengatur serangan untuk menjaringkan gol malah Tampines Rovers lebih menguasai perlawanan dengan berjaya membuat beberapa serangan bahaya, tetapi nasib tidak menyebelahi untuk menghasilkan gol.

Jurulatih Tampines Rovers FC, V. Sundram Moorthy membuat tiga pertukaran pemain untuk memperbaiki jentera serangan namun usahanya tidak membuahkan hasil.

Brunei DPMM FC yang hanya bermain 10 pemain setelah Mohd. Azwan Ali Rahman dilayangkan kad merah pada minit ke-74 kerana melayangkan kasutnya sendiri kepada rakan sepasukan sedikit mengganggu perlawanan.

Namun peluang yang ada juga gagal dimanfaatkan oleh Tampines Rovers FC malah gawang mereka nyaris dibolosi lagi pada minit-minit akhir perlawanan.

Kedudukan 2 - 0 bagi Brunei DPMM FC kekal hingga wisel penamat sambil menambah tiga mata penuh bagi mengumpul 19 mata dalam Liga Singapura.

Dengan kemenangan itu, Brunei DPMM FC kekal mengisi tangga ketiga hanya satu mata tertinggal dari Albirex Niigata yang menduduki tempat kedua.

Pertemuan seterusnya Brunei DPMM FC di gelanggang luar

menentang Albirex Niigata FC pada 14 Mei nanti.



menentang Albirex Niigata FC pada 14 Mei nanti.

menentang Albirex Niigata FC pada 14 Mei nanti.



PEMAIN penyerang Brunei DPMM FC, Rafael Ramazotti ketika melakukan serangan ke atas pasukan Tampines Rovers FC.



MOHD. Azwan Ali Rahman dihadang keras oleh pertahanan pasukan lawan.

Berangkat balik meninggalkan Pulau Pinang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta paduka-paduka anakanda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Orang Kaya Besar Perak, Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Seri Agar Diraja Tan Sri Dato' Seri Diraja Haji Ramli bin Ngah Talib dan isteri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Perak. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali (Lihat muka 3).

Berangkat hadir Majlis Santap Malam

Oleh :
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 9 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan memulakan atur cara hari kedua lawatan rasmi ke Republik Singapura dengan keberangkatan lawatan ke Gardens by the Bay.

Keberangkatan tiba Yang Teramat

Mulia dijunjung oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Peggy Chong.

Pada sebelah malam, YTM berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Kebangsaan; Menteri Dalam Negeri dan Menteri Bertanggungjawab bagi Perkhidmatan Awam, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama

Teo Chee Hean dan isteri, Puan Teo Poh Yim.

Majlis Santap Malam diadakan di Songs of India, Scotts Road.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Tuan Yang Terutama Heng Swee Keat dan isteri, Puan Chang Hwee Nee.

Semasa Majlis Santap tersebut, YTM dan Tuan Yang Terutama bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala.

Lawatan rasmi YTM ke Republik Singapura diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

YTM tamatkan lawatan rasmi

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 10 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah berangkat menghadiri Majlis Santap Pagi di Tampines West Community Club yang disempahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri Kedua dan Menteri Dalam Negeri Kedua Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli dan isteri, Puan Jumelah Jaafar.

Semasa majlis, Yang Teramat Mulia telah disempahkan taklimat dan berkenan berangkat untuk melawat tempat tersebut.

YTM berangkat meninggalkan Republik Singapura malam ini selepas menamatkan lawatan rasmi selama tiga hari.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Timbalan Pengarah Jabatanarah Asia Tenggara di Kementerian Luar Negeri Singapura, Tuan Shivakumar Nair dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Mansor.

YTM telah diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

AHA gabungkan ahli profesional kesihatan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa berucap pada Majlis Pelancaran Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association) di Kementerian berkenaan.

Dari muka 1

Seperti yang dimaklumi tambah Yang Berhormat, Allied Health Profession adalah antara profesion kesihatan yang sudah sekian lama wujud dan sewajarnya profesion ini perlu terus mengikut arus

perkembangan perubatan, trend peralihan epidemiologi, sains dan teknologi supaya sentiasa relevan dan mampu memenuhi cabaran-cabaran tersebut.

Yang Berhormat berkata, AHP merupakan kira-kira 18 peratus daripada jumlah bilangan profesional kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Jelas Yang Berhormat, bersama-sama dengan para doktor dan jururawat, AHP merupakan sebagai salah satu tonggak utama dan pemangkin penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam dan menyedari akan hakikat ini, perkhidmatan *allied health* ini perlu terus diperkukuh dan diperkembangluaskan dari semasa ke semasa.

Sejak beberapa tahun ini, menurut Yang Berhormat, kita dapat melihat beberapa peningkatan serta perkembangan perkhidmatan *allied health* dari aspek pembangunan sumber tenaga manusia di mana semakin ramai AHP yang mempunyai kelulusan kepakaran dalam bidang masing-masing sehingga di tahap Ijazah Kedokteran dan Ijazah Sarjana.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat lagi, dalam menghadapi perubahan-perubahan

serta perkhidmatan dan penjagaan yang semakin mencabar, ia memerlukan kesiapsiagaan sumber tenaga manusia kesihatan yang seimbang.

"AHP sama ada perlu mengaplikasikan pengetahuan yang baru diperolehi atau mengadaptasi serta mengambil peranan baru supaya lebih dinamik dan berkesan dalam pemberian perkhidmatan," ujar Yang Berhormat.

Katanya, AHP hendaklah memanfaatkan sebaik-baiknya peluang yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan untuk terus meningkatkan kemahiran dan *capacity building* melalui pembelajaran sepanjang hayat dan peluang latihan-latihan kepakaran dalam bidang masing-masing.

Tambah Yang Berhormat, khidmat tenaga AHP dalam rangkaian perkhidmatan penjagaan kesihatan merangkumi semua spektrum daripada kuratif (*curative*) kepada rehabilitatif dan perniagaan paliatif.

Dalam beberapa aliran klinikal, jelasnya, AHP adalah sebagai *leading clinician of care*, di samping sokongan dan penglibatan disiplin profesional kesihatan yang lain.

"Ada beberapa perkara asas yang penting untuk mentransformasikan penjagaan kesihatan, iaitu mempunyai pengetahuan yang betul, kemahiran serta pengalaman yang betul digabungkan dengan sokongan yang

tepat adalah asas-asas kepada penjagaan kesihatan yang lebih baik dan mantap serta memberikan keberkesanan dan mampu mengurangkan kos perbelanjaan penjagaan kesihatan," ujarnya.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada majlis tersebut.

PEKERJA SIHAT, PRODUKTIVITI MENINGKAT

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.